

"ADAPUN andaian-andaian berupa pelbagai teori adalah perkara lumrah yang tidak pernah berkesudahan. Kita tidak boleh berpegang dengan teori yang statusnya tidak lebih dari teori, berbanding dengan apa yang kita pilih ialah tuntutan Allah. Sesungguhnya tuntutan Allah itu bukanlah ia teori, tetapi hukum wajib yang tidak ada keraguan padanya."  
- Titah Sempena Majlis Pengisytiharan Penguatkuasaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Sya'riah, 2013 pada 30 April 2014.



Pelita  
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"PADA hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu."  
- (Surah Al Maa'idah ayat 3).

# ASEAN memperkasa kedayatahanan, kestabilan rantau

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali  
dari Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar

**NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR,** Ahad, 11 Mei. - ASEAN telah terbukti dengan kedayatahanannya sepanjang dekad yang lalu walaupun berhadapan dengan perkembangan yang mencabar di sekitar dan di rantau ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 di Ruby Hall, MICC, di Nay Pyi Taw, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah pemimpin-pemimpin ASEAN perlu meneruskan usaha untuk memperkasa kedayatahanan dan kestabilan rantau ini.

Pada masa yang sama, baginda bertitah menyarankan agar pemimpin-pemimpin ASEAN perlu sentiasa berhati-hati terhadap faktor luar dan terus meningkatkan daya saing dalam perdagangan dan pelaburan, dengan tujuan untuk menggerakkan ASEAN ke arah *global value chain*.

Selaras dengan itu, baginda bertitah melahirkan rasa penghargaan terhadap kerja yang telah dilakukan ke atas kad perjalanan perniagaan ASEAN dan perjalanan bebas visa ASEAN dan berharap pelaksanaannya akan dilakukan pada tahun ini untuk memudahkan lagi pergerakan ahli-ahli perniagaan di rantau ini yang seterusnya akan menyumbang kepada kesalinghubungan ASEAN.

Baginda bertitah bahawa ASEAN sedang membina sebuah masyarakat yang memberi tumpuan kepada penduduk.

Ke arah itu, ASEAN perlu meneruskan komitmen yang dibuat pada tahun lepas, dalam bidang belia, kesihatan, wanita dan kanak-kanak, pengurusan bencana dan perlindungan sosial, walaupun selepas 2015, titah baginda.

ASEAN juga perlu meningkatkan kesedaran tentang usaha-usaha ini dan berterusan menggalakkan penyertaan dan sokongan yang aktif daripada penduduk, tegas baginda.

Menurut baginda perkara ini adalah bertepatan dengan hasrat, dan cadangan untuk mengadakan bantuan konsular bagi warga-warga ASEAN di negara-negara ketiga.

Ke muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat di Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 yang berlangsung di Ruby Hall, MICC, di Nay Pyi Taw. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 3, 4, 5, 12, 13 dan 24).

## Wawasan ASEAN perlu lebih mencabar, berpandangan jauh

**NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR,** Ahad, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan kepercayaan bahawa semua pihak menyedari pembangunan komuniti adalah satu proses yang berterusan, dan pemimpin-pemimpin ASEAN mesti meneruskan usaha-usaha

ini dengan semangat baru selepas 2015.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa kerja-kerja untuk menghasilkan keutamaan-keutamaan bagi visi selepas 2015 di penghujung tahun ini adalah penting.

Kebawah DYMM bertitah demikian pada Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24, berlangsung di Ruby Hall, Pusat Persidangan Antarabangsa Myanmar (MICC), di Nay Pyi Taw, di sini.

Baginda seterusnya bertitah, pada masa yang sama, pemimpin-

pemimpin ASEAN perlu memberi tumpuan kepada pelan komuniti yang sedia ada memandangkan ianya hanya tinggal kurang dua tahun dari sekarang untuk mencapainya.


Baginda juga bertitah mengambil maklum tentang rebiu yang telah dibuat oleh pegawai-pegawai mengenai dengan pelaksanaan peta jalan pada setiap tiga tunggak Komuniti ASEAN.

Titah baginda lagi, mereka perlu menyelaras dengan Kumpulan Kerja Selepas 2015 untuk memastikan wawasan yang sedang dirangka

adalah mencabar, strategik, berpandangan jauh (*outward looking*) dan praktikal.

Terdahulu, baginda bertitah mengucapkan tahmiah kepada Presiden Republik Kesatuan Myanmar atas kejayaannya menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN buat kali pertama dan juga melahirkan penghargaan atas Majlis Santap Malam yang diberikan dan layanan serta sambutan yang baik daripada Presiden, kerajaan dan rakyat Republik Kesatuan Myanmar.

Ke muka 12 dan 13



Muka 6

KESEJAHTERAAN keluarga bahagia

# Penduduk berperanan menjaga keselamatan kampung

Bismillahir Rahmannir Rahim

Alhamdulillahirabbalamin,  
Wabinastaienu Ala Ummuruddunna  
Waddien Wassalatuwassalamu Ala Asrafil  
Anbia Iwalmursalin Saiyidina Muhammad  
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmaien.

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

**A**LHAMDULILAH. Kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas izin dan rahmat-Nya kita dapat berkumpul dalam majlis pada petang ini.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Marali bin Haji Ahmad, Ketua Kampung Kapok, selaku Pengerusi MPK Kampung Kapok di atas undangan untuk saya dapat bersama dalam Majlis Doa Kesyukuran Kejayaan MPK Kampung Kapok memenangi Anugerah Perak dalam acara Anugerah Kampung Cemerlang Ke-3 dua bulan yang lalu.

Dan sekali gus saya sukacita pula mengulangi ucapan tahniah kepada semua peringkat kepimpinan dan ahli-ahli MPK serta anak-anak Kampung Kapok ini di atas kejayaan mencemerlangkan Kampung Kapok diiktiraf sebagai Kampung Cemerlang.

Tentulah kejayaan memenangi Anugerah Perak dalam acara Anugerah Kampung Cemerlang itu patut disyukuri. Kesyukuran tuan-tuan dan puan-puan adalah kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana Allah Subhanahu Wata'ala telah menyatupadukan biskita berkat adanya semangat ingin mencemerlangkan kampung biskita.

Tentu biskita lebih mengetahui bahawa tidak mudah bagi sekumpulan penduduk seramai 4,290 orang di kampung ini untuk disatupadukan.

Dan tidak pula semudah mana meyakinkan sebahagian daripadanya untuk bekerjasama merancang serta melaksanakan sesuatu projek yang dipilih.

Namun ternyata biskita dapat mengatasi kesukaran. Biskita dapat melalui halangan.

Semuanya adalah kerana keikhlasan biskita merancang dan keikhlasan melaksanakan perkara-perkara yang baik lagi berkebaikan.

Apabila ada usaha yang berkebaikan dan cara pelaksanaannya yang baik serta teratur tidak menyalahi hukum Allah maka tinggal lagi ialah berharap berkat daripada Allah untuk membawa biskita ke martabat kumpulan orang yang berjaya dan berhak memperoleh ganjaran daripada hasil usaha yang dilakukan dengan mengatasi sebarang kesukaran itu.

Kita berpegang kepada janji Allah Subhanahu Wata'ala bahawa Allah akan memberikan ganjaran baik kepada sesiapa yang membuat perkara-perkara yang baik, yang berkebaikan dengan cara-caranya yang begitu baik yang tidak menyalahi ajaran Allah, seperti dinyatakan antara lain tiga kali dalam Surah as-Saaf at, ayat 80, 105 dan 131, dan sekali lagi dalam Surah al-Mursalat, ayat 44 dengan firman-Nya:

*Tafsirnya: "Sesungguhnya demikianlah Kami kurniakan ganjaran kepada orang-orang yang berbuat kebaikan."*

Maka ganjaran yang biskita dapat di dunia ini nyata sudah iaitu anugerah bertaraf perak.

Akan ada berkatnya seandainya ia diterima dengan rasa syukur iaitu bukan setakat berterima kasih atau dengan bangga tetapi hendaklah dijadikan dorongan untuk mengolah hasil usaha itu bagi mendapatkan nilai tambahnya. Bukan dengan mensesiakannya seperti menjadikannya setakat anugerah yang dicatat sebagai sejarah cemerlang pencapaian MPK biskita. Itu namanya setakat berpada-pada, dan tidak mempergunakan kesempatan yang baik untuk meningkatkan kerja bagi mendapatkan hasil sebagai nilai tambah. Ingat pesan Allah Subhanahu Wata'ala, dalam Surah Ibrahim, ayat 7:

*Tafsirnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala ni'mat) tentu Allah akan menambah ni'mat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap ni'mat itu) maka sesungguhnya azabKu sangat keras."*

Selebihnya ialah ganjaran di hari kemudian, di akhirat - yang biasa kita sebut sebagai pahala daripada amal soleh.

Insyallah ganjaran baik pada hari akhirat itu akan juga biskita raih jika segala susah payah biskita dalam mencemerlangkan kampung biskita disertai dengan niat ikhlas bagi kebaikan bersama atau boleh juga bagi kepentingan perseorangan tetapi tidak dengan niat atau perbuatan yang bersifat semata-mata keduniaan. Ingat betapa kita ini diajarkan dan dan sudah pun terbiasa mengucapkan doa memohon kebaikan dunia dan akhirat dalam semua amal soleh dan juga ibadat.

*Tafsirnya: "Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka."*

Surah al-Baqarah : 201

Dalam hubungan mengolah hasil kejayaan biskita untuk mendapatkan nilai tambah itu tentulah biskita boleh memikirkan rancangan-rancangan seterusnya untuk mencemerlangkan lagi kampung biskita. Dan oleh kerana penilaian atau pemarkahan dalam program Anugerah Cemerlang itu meliputi banyak aspek selain daripada aspek produk perekonomian maka dalam aspek kemasyarakatan misalnya, pada hemat saya, biskita akan berusaha meningkatkan mutu kesejahteraan dan keselamatan kampung iaitu penduduk-penduduknya.

Dan pada hemat saya perkara yang sangat mendesak dalam kesejahteraan penduduk dan keselamatan mereka iaitu diri biskita di kampung biskita ini ialah memastikan tiada ancaman ke atas keselamatan nyawa dan harta benda menerusi kegiatan jahat penjenayah-penjenayah.

Oleh yang demikian, biskita tentu boleh memikirkan dan seterusnya melaksanakan Program *public safety*, keselamatan awam yang bertujuan mencegah pelakuan yang menyalahi undang-undang daripada dilakukan di kampung halaman biskita.

Keselamatan awam jenis ini pendedat-pendedat haram, antaranya ialah kesalahan melindungi atau pendedat-pendedat yang sudah limpas tempoh kebenaran tinggal;



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa berucap pada Majlis Doa Kesyukuran Kejayaan MPK Kampung Kapok Menerima Anugerah Perak Di Pertandingan Anugerah Kampung Cemerlang 2014, pada hari Jumaat, 25 Jamadilakhir 1435H bersamaan 25 April 2014M, bertempat di Dewan Sekolah Rendah Kapok, Mukim Serasa.**

kesalahan menyalahgunakan permit kerja atau pas lawatan.

Dan tentu sahaja termasuk kesalahan-kesalahan berat seperti penyalahgunaan dadah berbahaya atau apalagi jika sampai kesalahan mengedarnya.

Tetapi biskita sebagai orang awam tentu tidak mempunyai kuasa bagi mengambil tindakan di luar undang-undang. Namun biskita masih dapat berperanan dalam mencegah jenayah dan pelanggaran undang-undang dalam kawasan kampung halaman biskita secara bekerjasama, dengan pihak-pihak penguatkuasa undang-undang daripada berbagai-bagai agensi penguatkuasa undang-undang. Kerjasama biskita boleh sahaja berupa pemberian maklumat, dan yang paling berkesan sekali ialah mencegah diri sendiri atau ahli keluarga yang terdekat daripada terlibat dalam melanggar sebarang peraturan dan undang-undang.

Dengan berbuat sedemikian biskita sebenarnya menyumbang untuk lebih mencemerlangkan kampung halaman biskita semua iaitu Kampung Kapok yang penduduknya menurut statistik terkini oleh Ketua Kampung sendiri ada seramai 4,290 orang, termasuk ada seramai 423 orang penduduk sementara dan biskita terdiri daripada 2,267 orang lelaki, 2,023 orang perempuan iaitu biskita semuanya yang mendiami sebanyak 551 buah rumah (ada 10 buah tidak berpenghuni menjadikan jumlah rumah 651 buah).

Ke muka 8

Dari Sidang  
Pengarang.

12 MEI 2014 BERSAMAAN 1435 رجب 12

## SEMANGAT CINTAKAN NEGARA BENTENG KEUTUHAN NEGARA

**K**EMPEN-KEMPEN mengibar bendera yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan adalah salah satu usaha yang berterusan bagi membarigakan lagi kepada orang ramai mengenai bagaimana cara untuk mengibarkan bendera dengan betul dan tepat. Bagi memelihara keutuhan dan semangat patriotik kebangsaan kempen-kempen sebegini adalah cara yang terbaik untuk mengembangkan lagi semangat kenegaraan tersebut daripada terpengaruh anasir-anasir jahat dari luar yang tidak disenangi.

Sebelum acara-acara kebangsaan Negara Brunei Darussalam seperti Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga merupakan acara-acara yang penting dan kempen mengibar bendera akan mula dilaksanakan sebelum acara-acara tersebut berlangsung. Oleh kerana itu usaha-usaha sebegini adalah mulia dan sangat perlu terus dipergiatkan bukan setakat dekat tiba tarikh hari-hari kebesaran negara malah pada bila-bila masa sahaja.

Seperti mana usaha pengagihan bendera negara secara percuma di dalam kempen-kempen mengibar bendera anjuran Jabatan Penerangan adalah diharapkan mencapai hasratnya dalam membakar semangat patriotik rakyat dan penduduk negara yang menjadi lambang dan simbol kemegahan bangsa dan negara. Ini juga dapat mengembangkan lagi keutuhan negara bersama dalam membina kekuatan semangat patriotisme yang jitu sebagaimana yang telah kita amalkan sejak dahulu lagi.

Mengibar bendera negara adalah sebahagian daripada syiar perpaduan rakyat yang mengasahi kepada raja, cintakan kepada negara dan bersedia berkorban apa saja untuk raja dan negara yang dicintai. Sebagaimana orang kitani berpegang teguh kepada konsep Melayu Islam Beraja (MIB) yang ada rasa berawar galat, hormat-menghormati kepada orang tua, taat kepada raja dan negara itulah sebahagian daripada jati diri kebangsaan kitani dari sejak dahulu lagi.

Sebagaimana di dalam Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29, "Rakyat jelata yang sensitif lagi patriotik sangatlah diperlukan oleh negara terutama mereka yang dari kalangan generasi muda serta para belia kerana mereka itu adalah pewaris masa depan kita. Masa depan akan suram jika mereka itu tidak terlibat membina negara. Mereka mesti turut berkecimpung dalam setiap aktiviti kenegaraan sekurang-kurangnya menjadi penyumbang moral yang aktif. Contoh sumbangan moral itu ialah seperti menjadi rakyat yang baik, yang ikhlas lagi amanah serta taat dan mematuhi undang-undang dan tidak membebani negara dengan perbuatan-perbuatan antisosial atau asyik dengan berseronok-seronok semata-mata."

Oleh kerana itu rakyat dan penduduk di negara ini disarankan untuk membentuk sikap jati diri kita cinta kepada raja dan negara serta berpegang kepada agama Islam dengan penuh kesedaran, bersemangat, beriltizam dan sentiasa berpegang teguh dengan konsep MIB yang sudah tertanam dalam sanubari kita masing-masing. - **Ketua Penyuntingan. (Tr)**

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
32°C	25°C	33°C
MUARA		
32°C	26°C	26°C
PEKAN BANGAR		
31°C	25°C	25°C
PEKAN TUTONG		
32°C	25°C	25°C
PEKAN GERIA		
32°C	25°C	26°C
KUALA BELAIT		
32°C	25°C	26°C

Walaupun di Brunei Darussalam  
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam  
Jabatan Penerangan Awam  
Telefon : 2230142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114

## SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

### Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,  
Norliah Md. Zain,  
Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Haji Aliddin Haji Moktal,  
Ak. Jeffery Pg. Durahman,  
Haniza Abdul Latif,  
Abdullah Asgar,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Rohani Haji Abdul Hamid,  
Nooratini Haji Abas,  
Khartini Hamir,  
Saerah Haji Abdul Ghani,  
Aimi Sani,  
Noraisah Muhammed,  
Aryentyy Haji Arifin

### Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,  
Hajah Zabaidah Haji Salat,  
Mohammad Rainie Haji Durani

### Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,  
Haji Besar Haji Mamit,  
Hajah Norliha Haji Salleh,  
Ramlah Md. Nor,  
Nurul Hazwanis Abu Omar,  
Siti Faizahwanis Awang Mahani,  
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

### Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,  
Jurainah Haji Jait,  
Nornasyirah Nordin

### Penyuntingan

Haji Sahari Akim,  
Samle Haji Jait,  
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,  
Siti Muslihat Haji Salleh,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

### Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad,  
Haji Mirazman Haji Othman

### Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,  
Haji Ahmad Haji Salim,  
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,  
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,  
Mohammad bin Kahar,  
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,  
Hajah Raini Haji Bidin,  
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS  
991

POLIS  
993

BOMBA  
995

PENYELAMAT  
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC  
2380214

# Tunggak strategik BIMP-EAGA beri perubahan positif



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Sidang Kemuncak Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA).

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor,  
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali  
dari Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar

**NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR,** Ahad, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan rasa puas hati dengan kemajuan dan kerjasama yang dicapai di bawah empat tunggak strategik BIMP-EAGA iaitu Kesalinghubungan; Kemajuan dalam Pertanian; Pelancongan dan Pengurusan Alam Sekitar,

yang memberikan perubahan positif kepada para warganya.

Pada tahun ini merupakan tahun ke-20 terjalannya kerjasama BIMP-EAGA. Ia adalah penting untuk memastikan kemampuan manfaat sentiasa mampan dan terus membangun pada masa hadapan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian ketika berangkat ke Sidang Kemuncak Brunei - Indonesia - Malaysia - Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) yang diadakan di Emerald Hall,

## Hargai kerjasama berterusan dalam BIMP-EAGA

**NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR,** Ahad, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sidang Kemuncak Brunei - Indonesia - Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) yang diadakan di Emerald Hall, Pusat Persidangan Antarabangsa Myanmar (Myanmar International Convention Centre - MICC), Nay Pyi Taw, di sini.

Sidang Kemuncak tersebut dipengerusikan oleh Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Haji Susilo Bambang Yudhoyono.

Semasa Sidang Kemuncak itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengucapkan tahniah kepada Presiden Republik Indonesia, selaku Pengerusi Sidang Kemuncak BIMP-EAGA pada tahun ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, bekerjasama dengan Presiden Republik Indonesia, selama ini adalah merupakan satu

penghargaan dan akan dikenangi.

Kebawah DYMM juga bertitah menyampaikan ingatan baik baginda kepada TYT bagi usaha-usahanya pada masa akan datang.

Selain itu, baginda juga melahirkan penghargaan kepada TYT Hatta Rajasa atas laporan mengenai kerjasama BIMP-EAGA sejak mesyuarat terakhir di Negara Brunei Darussalam.

Baginda juga bertitah mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada Asian Development Bank (ADB) atas sokongan dan bantuan dalam pelbagai inisiatif dan berharap sokongan yang berterusan kepada Sekretariat ASEAN, dalam melengkapkan usaha-usaha serantau bagi merealisasikan Komuniti ASEAN pada tahun hadapan.

Terdahulu, baginda berkenan berangkat menghadiri Sesi Penutup Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 bersama para pemimpin ASEAN yang lain yang diadakan di Ruby Hall, MICC, Nay Pyi Taw.

Mengiringi keberangkatan Kebawah DYMM ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai bersama para pemimpin BIMP-EAGA iaitu Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Haji Susilo Bambang Yudhoyono; Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Benigno S. Aquino III dan wakil pemimpin Malaysia, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mustapa Mohamed.

Pusat Persidangan Antarabangsa Myanmar (MICC), Nay Pyi Taw, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah bahawa terdapat tiga bidang utama untuk penambahbaikan.

Pertama, Kebawah DYMM percaya bahawa kesalinghubungan adalah penting kepada pembangunan ekonomi di rantau itu.

Dengan Pembukaan Jambatan Pandaruan yang menghubungkan

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia Timur; menaik taraf pelabuhan-pelabuhan di Mindanao dan peningkatan perkhidmatan penerbangan di antara tempat-tempat EAGA adalah jelas menunjukkan keazaman bagi memudahkan aliran perdagangan, pelaburan dan pergerakan warga di rantau itu.

Baginda juga bertitah sebagai tuan rumah dan Pengerusi Mesyuarat Menteri BIMP-EAGA pada tahun ini serta Mesyuarat Menteri-Menteri Pengangkutan BIMP-EAGA, Negara Brunei Darussalam akan menganjurkan sesi bersama di antara kedua-dua menteri, untuk melihat lebih mendalam untuk meningkatkan kesalinghubungan dalam rantau itu.

Negara Brunei Darussalam juga akan mengadakan suatu rundingan bersama antara menteri dengan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) pelancongan untuk mengenal pasti dan juga menangani cabaran-cabaran dalam menarik lebih ramai pelancong dan mempromosikan ekopelancongan di rantau tersebut.

Seterusnya baginda bertitah mengenai perkara kedua yang menyentuh usaha-usaha dalam tunggak baru BIMP-EAGA, iaitu Alam Sekitar.

"Rantau ini telah diiktiraf sebagai kawasan yang mempunyai biodiversiti tertinggi di dunia, seperti Nadi Borneo (Heart of Borneo) dan dalam 'Coral Triangle' serta selaku tuan rumah kepada tiga tapak Warisan Dunia," titah baginda.

Lebih banyak usaha perlu dijalankan dalam bidang pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar, untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan tersebut terus wujud bagi generasi yang akan datang.

Baginda menambah bahawa sokongan daripada organisasi antarabangsa, seperti Asian Development Bank (ADB), untuk menjalankan usaha bersama yang akan membolehkan negara-negara anggota memainkan peranan yang lebih baik dalam mengurangkan perubahan iklim.

Baginda seterusnya bertitah mengenai perkara ketiga, iaitu sebagai negara-negara anggota yang memberikan tumpuan terhadap pembangunan ekonomi di rantau tersebut, negara-negara anggota juga harus mendukung interaksi di antara warga. Kegiatan sosiobudaya di bawah bidang kerjasama BIMP-EAGA akan melengkapkan lagi usaha-usaha mewujudkan kehidupan yang lebih baik untuk warga.



Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Dato Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.



SUASANA Sidang Kemuncak BIMP-EAGA yang dipengerusikan oleh Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Haji Susilo Bambang Yudhoyono.

# Para pemimpin ASEAN diraikan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai para pemimpin ASEAN yang lain bagi sesi bergambar ramai sebelum Majlis Santap Malam Bagi Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan ASEAN sempena Mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 berlangsung.

NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR, Sabtu, 10 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam bagi Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan ASEAN sempena Mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24.

Majlis Santap yang dihoskan oleh Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein dan isteri, Puan Daw Khin Khin Min itu berlangsung di Jade Hall, Pusat Persidangan Antarabangsa Myanmar (Myanmar International Convention Centre - MICC), di Nay Pyi Taw, di sini.

Semasa majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai para pemimpin ASEAN yang lain bagi sesi bergambar ramai.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Semasa majlis bagi meraikan para pemimpin ASEAN itu, baginda serta para pemimpin ASEAN lainnya dipersembahkan dengan persembahan kebudayaan yang mengandungi sembilan segmen.

Selaku Pengerusi ASEAN tahun ini, Republik Kesatuan Myanmar telah menetapkan tema bagi Sidang Kemuncak pertubuhan serantau itu iaitu 'Moving Forward in Unity to a Peaceful and Prosperous Community'.

Beberapa keutamaan juga telah ditetapkan oleh Republik Kesatuan Myanmar dalam menguruskan pertemuan tahunan ASEAN kali ini, antaranya untuk memastikan pelaksanaan sepenuhnya tugas-tugas ke arah merealisasikan

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor,  
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali  
dari Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar

Komuniti ASEAN menjelang 2015 serta untuk mengubah ASEAN sebagai pertubuhan yang mengutamakan rakyat, untuk meningkatkan penglibatan dengan

masyarakat awam, untuk mempercepatkan penglibatan golongan wanita, belia, ahli-ahli parlimen dan media dalam aktiviti-aktiviti ASEAN.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Santap Malam Bagi Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan ASEAN sempena Mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 dijunjung oleh Presiden Republik Kesatuan Myanmar, TYT U Thein Sein dan isteri, Puan Daw Khin Khin Min.



PRESIDEN Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein ketika berucap meraikan para pemimpin ASEAN.



MAJLIS Santap Malam bagi meraikan para pemimpin ASEAN diserikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan daripada masyarakat Myanmar.

# Kebawah DYMM berangkat tiba di Myanmar



KEBAWAH DYMM disembah-kenalkan kepada Menteri Sains dan Teknologi, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Ko Ko Oo sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar (kiri).



Myanmar, Tuan Yang Terutama Dr. Ko Ko Oo; Timbalan Menteri Pengangkutan, TYT U Zin Yaw; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Daw Yin Yin Myint serta pegawai-pegawai kanan kerajaan Republik Kesatuan Myanmar.

Turut hadir di lapangan terbang bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng serta Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Kesatuan Myanmar, TYT Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Daw Yin Yin Myint.

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM berkenan menerima jambangan bunga yang disembahkan oleh seorang penuntut.

Sebelum menaiki kenderaan khas menuju ke hotel persemayaman, baginda berkenan melalui kawalan statik.

Penuntut-penuntut yang mengibarkan bendera kedua-dua negara juga berbaris di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Nay Pyi Taw.

Keberangkatan tiba baginda di Aureum Palace Hotel dijunjung oleh Pengurus Umum hotel tersebut, Mr. Aung Myint Htun.

Juga mengiringi keberangkatan baginda ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang

Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 yang berlangsung 10 hingga 11 Mei 2014 mempertemukan para pemimpin negara ASEAN bagi membincangkan pelbagai isu di mana Republik Kesatuan Myanmar pertama kali menjadi tuan rumah bagi pengurusan persidangan tersebut setelah 17 tahun menjadi ahli anggota ASEAN.

Sebelum ini, Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 dipengerusikan oleh Negara Brunei Darussalam.

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali dari Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar

**NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR**, Sabtu, 10 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selamat berangkat tiba di Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan

Myanmar bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar bagi menjunjung keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Sains dan Teknologi, Republik Kesatuan

## Berangkat ke Myanmar bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada para pembesar negara sejurus sebelum berangkat ke Myanmar.

Oleh : Aimi Sani, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Masri Osman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 10 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar bagi menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat sama di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; DYTMM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; DYTMM Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja

Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, DYTMM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.

Juga hadir bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Yang Di-Pertua Dewan Majlis Mesyuarat Negara, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Timbalan-Timbalan Menteri, Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei dan wakil daripada Kedutaan Republik Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera dan puteri bangsawan menadah tangan ketika doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan (kiri), sementara gambar kanan, berangkat ke Hangar Penerbangan Kebawah DYMM di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis baginda ialah putera-putera dan adinda-adinda baginda.



KEBERANGKATAN tiba baginda di Aureum Palace Hotel dijunjung oleh Pengurus Umum hotel tersebut, Mr. Aung Myint Htun.

# Kesejahteraan keluarga bahagia

**MUKIM BUKIT SAWAT**, Ahad, 4 Mei. - Keluarga bahagia akan mewujudkan rumah tangga bahagia yang menjamin kebaikan kepada seluruh ahli keluarga terutama kepada anak-anak.

Proses mewujudkan keluarga bahagia memerlukan sokongan padu daripada ibu, bapa, ahli keluarga yang lain dan juga masyarakat.

Sementara suami isteri amat perlu menjaga rahsia rumah tangga mereka agar tidak timbul berita atau perkara yang buruk jika tersebabnya perkara-perkara yang seharusnya dirahsiakan dari pengetahuan umum demi kesejahteraan keluarga yang bahagia.

"Sikap hormat-menghormati antara pasangan secara tidak langsung melahirkan rasa hormat kepada orang lain pula. Suami menghormati isteri dan lebih utama isteri yang solehah menghormati suaminya juga merupakan antara faktor penting bagi menjalin perhubungan keluarga bahagia, di samping bertolak ansur sesama mereka," kata Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Ustaz Haji Haslan bin Haji Shahbuddin.

Ustaz Haji Haslan menambah tanggungjawab suami sebagai pemimpin keluarga adalah memberikan didikan agama yang secukupnya dengan mengajarkan ahli keluarganya ilmu fardhu ain. "Jika

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

baik didikan yang diberi, maka akan lahir keluarga yang baik sebaliknya jika buruk didikannya maka akan lahir keluarga yang tidak baik," ungkap beliau.

Perkara tersebut antara intipati Kuliah Subuh yang beliau sampaikan bertajuk 'faktor-faktor keluarga bahagia menurut Islam' sempena sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2014 di Masjid Al Mashor, Sungai Mau yang menggariskan bahawa faktor utama keluarga bahagia menurut Islam yang meliputi faktor suami isteri, faktor keilmuan, faktor kekeluargaan dan faktor ekonomi.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah hadir selaku tetamu kehormat yang sebelum itu menunaikan Solat Fardu Subuh Berjemaah.

Ustaz Haji Haslan juga menyatakan, selain aspek akidah dan keimanan, menjadi tanggungjawab ibu bapa Muslim menghantar anak-anak ke sekolah atau mengajarnya secara tidak langsung untuk mempelajari enam lagi aspek-aspek pendidikan termasuk aspek moral, fizikal, intelektual

(kognitif), psikologikal, sosial dan seksual.

"Sekiranya semua ibu bapa mampu memberikan penekanan kepada semua aspek tersebut, akan lahir keluarga bahagia yang terdiri daripada kalangan anak-anak pewaris generasi akan datang yang seimbang dan penuh dengan potensi yang akan melonjakkan diri mereka ke peringkat kejayaan yang jauh lebih baik dari kedua ibu bapa mereka sendiri," ujar Ustaz Haji Haslan.

Selain dari itu, tambah beliau, dalam membina sebuah rumah tangga dan keluarga yang bahagia, faktor merancang kehadiran anak-anak harus diberikan keutamaan kerana perancangan keluarga bertujuan untuk memberi peluang agar keupayaan fizikal kesihatan dan kecergasan terutamanya ibu terjaga dengan baik sebelum kehamilan berikutnya.

"Perancangan keluarga dapat meningkatkan keupayaan ekonomi kedua suami isteri agar perbelanjaan keluarga terancang. Masa yang berkualiti untuk anak-anak juga dapat dirancang dengan bijaksana apabila keluarga terancang manakala sokongan komuniti iaitu kelengkapan pendidikan, kesihatan, perumahan dan



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika menghadiri Kuliah Subuh sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2014.**

penjagaan anak-anak juga tercapai dengan seimbang demi mewujudkan suasana keluarga bahagia yang terancang," jelas beliau.

Sejurus selepas Kuliah Subuh, Yang Berhormat bersama para jemaah menunaikan Solat Sunat Duha dan membaca doa selamat Hari Keluarga.

Solat Fardu Subuh Berjemaah, diikuti Kuliah Subuh dan doa selamat Hari Keluarga serta Solat Sunat Duha Berjemaah terkandung dalam aturcara majlis sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2014 Zon 1, Daerah Belait.

Antara yang hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara Zon 1, Daerah Belait, Yang Berhormat Haji Mohd Shafiee bin Ahmad, Ketua Kampung Lumut I; Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu dan ketua-ketua kampung serta penduduk kampung.

Sambutan Hari Keluarga 2014 diadakan serentak di seluruh daerah dan tema di peringkat kebangsaan 'Keluarga Berwawasan', sementara tema bagi Zon 1, Daerah Belait 'Keluargaku Harapan Negaraku'.

## Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2014 bagi Zon 1

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 4 Mei. - Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Yang Ke-3 Bagi Tahun 2014 bagi Zon 1 yang terdiri daripada Mukim Berakas 'A' dan Mukim Berakas 'B' dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) telah diadakan bertempat di Balapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Yang Ke-3 Bagi Tahun 2014 bagi Zon 1 tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Tema sambutan bagi Zon 1 kali ini ialah 'Keluargaku Syurgaku' yang membawa maksud umpama keluarga aman damai bahagia seperti dalam syurga.

Tujuan acara adalah mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dari seluruh negara khususnya penduduk kampung di Mukim Berakas dengan dapat berkumpul bersama-sama, di samping beriadah dan bersukan.

Antara program-program yang dimuatkan ialah Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diselenggarakan dengan Kuliah Subuh yang disampaikan oleh Ustaz Haji Jufri bin Haji Hidup, bertempat di Masjid

Kampung Pulaie.

Kemudian diteruskan dengan acara senamrobik serta berjalan kaki mengelilingi kawasan luar Stadium Negara Hassanal Bolkiah bagi lelaki dan bagi perempuan berjalan di dalam trek Balapan dan Padang.

Selain itu, sebanyak 31 jenis acara sukan ria diadakan di antaranya pertandingan tahan berdiri sebelah kaki, perlawanan lari berikat berpasangan dan banyak lagi.

Manakala acara bagi VIP lelaki juga diadakan iaitu perlawanan tarik kalat, manakala bagi VIP perempuan perlawanan memindah kacang dan memasukkan ke dalam cawan menggunakan sudu.

Lebih kurang 1,000 orang yang hadir bagi memeriahkan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Ke-3 Tahun 2014 bagi Zon 1 kali ini.



**TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail seterusnya melancarkan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan bagi Zon 1 ini.**

## Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Zon 2 Daerah Belait meriah



**ANTARA yang menjadi tarikan tetamu kehormat apabila berkesempatan melihat pameran dari pemilik Scooter Owner Group (S.O.G Brunei) dan dialu-alukan oleh Presiden SOG, Awang Haji Deruis bin Haji Haris.**

**KUALA BELAIT**, Ahad, 4 Mei. - Acara Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan bagi Zon 2 Daerah Belait, berlangsung penuh meriah di Pantai Jubli Perak dengan menentang pelbagai aktiviti menarik.

Hadir selaku tetamu kehormat pada

acara yang membawa tema 'Keluarga Kesayanganku' ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, selaku Timbalan Pengerusi Bersama Sambutan Hari

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

Keluarga Kebangsaan 2014.

Majlis pagi itu dimulakan dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan seterusnya Acara Senamsihat yang disertai oleh tetamu kehormat dan kesemua jemputan dan ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat.

Pada majlis tersebut tetamu kehormat berkesempatan menyaksikan persembahan Wushu yang dipersembahkan oleh Majlis Perundingan Mukim Setia selanjut menyaksikan Pameran dan Jualan dan ikut serta dalam aktiviti-aktiviti Hari Keluarga.

Terdahulu dari itu acara sambutan dimulakan dengan Sembahyang Fardu Magrib dan Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat serta membaca Surah Yaa Siin dan tahlil serta Doa Khas Hari Keluarga dan pada Subuhnya diadakan Solat Subuh Berjemaah, Kuliah Subuh dan Doa Selamat Hari Keluarga,

kesemua majlis bagi kawasan Zon 2 telah diadakan di Masjid Perpindahan Negara Kampung Pandan.

Sambutan Hari Keluarga dihasratkan akan dapat mewujudkan kesedaran dan mengiktirafkan keluarga sebagai unit asas yang penting dalam membina masyarakat penyayang yang menjadi asas kepada keharmonian negara.

Hari Keluarga Kebangsaan 2014 dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Hari Keluarga Kebangsaan ini mula diungkuhkan sejak tahun 2012 dan ianya akan diadakan setiap hari Ahad Pertama di bulan Mei.

Institusi keluarga merupakan sebuah unit kecil dari masyarakat yang terdiri daripada dua orang atau lebih dengan adanya ikatan perkahwinan atau pertalian darah, hidup dalam satu rumah tangga yang dipimpin oleh seseorang ketua rumah tangga yang berperanan sebagai suami kepada isteri

dan bapa kepada anak-anak yang mana setiap anggota keluarga mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Ahli keluarga adalah mereka yang penting dalam hidup kita, sebuah keluarga terdiri dari ayah, ibu dan anak-anak juga dikenali sebagai keluarga asas. Hubungan kekeluargaan akan lebih kukuh dan mesra apabila ahli keluarga saling memahami antara satu sama lain.

Persefahaman yang terjalin akan dapat mengelakkan kita daripada menyakiti hati dan menyinggung perasaan ahli keluarga, sebagai ahli keluarga kita mesti menyayangi antara satu sama lain dengan menunjukkan kasih sayang dengan berkongsi masa suka dan duka.

Pertuturan dan tingkah laku juga mesti sentiasa sopan apabila berinteraksi dengan anggota keluarga, mesti akur dan patuh dengan nasihat dan larangan keluarga pada yang berpatutan dan sewajarnya bersyukur ke hadrat Allah kerana dianugerahi dengan sebuah keluarga, bentuklah keluarga kita agar menjadi keluarga Sakinah dan Mawaddah.

# 77 pelajar cemerlang diberi penghargaan



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menyampaikan anugerah kepada salah seorang pelajar cemerlang bagi Peperiksaan GCE 'O', 'AS' dan 'A' Level Oktober / November 2013.**

**GADONG, Sabtu, 3 Mei.** - Seramai 77 pelajar dari sekolah kerajaan dan sekolah swasta menerima anugerah pada Majlis Anugerah Pencapaian Cemerlang Cambridge bagi Peperiksaan GCE 'O', 'AS' and 'A' Level Oktober / November 2013, bertempat di Dewan Sejahtera, Sumbangsih Bahagia Hall, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyampaikan

anugerah berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Daripada jumlah keseluruhan itu, 30 pelajar mengikuti Peperiksaan Peringkat 'O', 24 pelajar mengikuti Peperiksaan Peringkat 'AS' dan 23 pelajar lagi menduduki Peperiksaan

Peringkat 'A'.

Sementara itu, Anugerah Sepuluh Tertinggi di Dunia di Peringkat GCE 'O' Level juga diterima oleh lapan pelajar untuk mata pelajaran Mathematics (Syllabus D), empat pelajar untuk mata pelajaran Commercial Studies dan tiga pelajar bagi mata pelajaran Additional Mathematics.

Manakala di Peringkat GCE

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

'AS' Level pula, tiga pelajar bagi mata pelajaran General Paper (International) menerima Anugerah Sepuluh Tertinggi di Dunia dan dua pelajar bagi mata pelajaran Mathematics.

Di peringkat GCE 'A' Level, tujuh pelajar bagi mata pelajaran Thinking Skill, Psychology, Economics, History, Sociology, Geography, Mathematics, Applied ICT, Chemistry, Biology dan Physics juga menerima

Anugerah Sepuluh Tertinggi di Dunia.

Tahun ini merupakan kali kelapan Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama University of Cambridge International-Examinations (CIE) menganjurkan majlis tersebut.

Majlis antara lain bertujuan untuk memberi penghargaan kepada pelajar-pelajar yang telah mencapai keputusan yang cemerlang dan unggul sehingga

mendapat anugerah 'Tertinggi Di Dunia', 'Sepuluh Tertinggi Di Dunia dan Di Negara Brunei Darussalam', 'Pencapaian Tertinggi dan 'Best Across'.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman dan Timbalan Setiausaha Tetap Pendidikan, Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd Salleh.

Turut hadir ialah Pengarah Pendidikan Serantau bagi Asia Tenggara, Dr. Ben Schmidt serta pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

## Peserta program EDPMMO bincang isu kemiskinan



**BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Mei.** - Kemiskinan dalam konteks Negara Brunei Darussalam diistilahkan sebagai kemiskinan relatif yang berpunca daripada perbezaan pendapatan atau gaji bulanan dengan taraf kehidupan, perbezaan tersebut antaranya disebabkan oleh tahap kelulusan akademik yang diperolehi, penglibatan dalam aktiviti-aktiviti perekonomian, status kesihatan, keupayaan membuat pilihan dan merebut peluang-peluang yang disediakan.

Subhubungan itu, semua pihak yang berkepentingan hendaklah menanamkan sikap lebih telus, bekerjasama dan bersatu padu dalam semua usaha ke arah membendung kemiskinan yang mampan.

Demikian antara yang dibincangkan oleh ahli-ahli panel dalam Forum Mini Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-Pegawai Pertengahan Kerajaan (EDPMMO) Ke-16 yang berlangsung di Bilik Kuliah Institut Kemajuan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Ahli-ahli panel terdiri daripada Nazir Khas di Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Aidah binti Haji Jalin, selaku moderator; Pegawai Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Rostinah binti POKSSP Dato Paduka Haji Mohd. Tahir; Pegawai Pelajaran Kanan, Awang Mazlan bin Haji Abang dan Pegawai Tugas-Tugas Khas di Jabatan Daerah Tutong, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya.

Antara cadangan yang dikemukakan termasuklah meneliti semula dasar pemberian bantuan kebajikan dan mengusulkan faedah

faedah kebajikan yang berhemat seperti kad debit dan kredit mikro, di samping menggiatkan semula sumbangan masyarakat terhadap pertumbuhan ekonomi dan disokong oleh sebuah mekanisme yang berperanan memantau serta menilai program *community based* selain meneliti semula sekolah bersepadu yang bertujuan memupuk kreativiti dan inovasi serta menanam sikap pemeduliaan, tidak camah mata serta nilai-nilai kerohanian melalui pendidikan kerohanian melalui pendidikan Melayu Islam Beraja dan agama.

**Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

Selain itu, forum turut membicarakan beberapa usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dalam menangani kemiskinan, yang mana pendekatan secara holistik adalah mustahak kerana sistem pendidikan dan peluang-peluang ekonomi sangat berkait rapat dalam membendung kemiskinan, di samping berhasrat untuk menghasilkan generasi belia masa depan yang berilmu, berwawasan dan produktif.

Forum bertemakan 'Menangani Isu Kemiskinan di Negara Brunei Darussalam' adalah sebagai kemuncak pembelajaran dan pembangunan para peserta dengan mengadaptasi pelbagai bidang yang telah dipelajari di sepanjang program tersebut dijalankan selain sebagai satu usaha bagi persediaan para peserta dalam menempuh tugas

dan tanggungjawab yang lebih mencabar sekembali mereka ke Kementerian dan jabatan masing-masing.

Antara yang hadir menyertai forum tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof bersama 28 pegawai kerajaan pengurusan peringkat pertengahan.

Forum Mini berdasarkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Awal Tahun Baru Hijriah pada 1 Muharam 1430 Hijriah bersamaan 28 Disember 2008 Masihi itu membincangkan isu-isu menangani kemiskinan dari perspektif sosial, ekonomi dan pendidikan.

Program EDPMMO diadakan untuk merangsang pegawai-pegawai yang berpotensi agar lebih maju ke hadapan sebagai persediaan untuk menjalankan tanggungjawab yang lebih mencabar.

Program kerjasama di antara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan ILIA, UBD dan Jabatan Perkhidmatan Awam itu bertujuan untuk memberikan pengetahuan terkini mengenai pendekatan serta amalan-amalan terbaik sektor awam dan korporat dalam meningkatkan kefahaman mereka tentang kepimpinan, persekitaran, pengurusan organisasi, masalah serta isu-isu yang berbangkit di sektor awam.

## Bengkel keusahawanan jana pengetahuan bidang perniagaan

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TUNGKU LINK, Sabtu, 3 Mei.** - Dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan tahap literasi perniagaan kepada belia dan para pelajar, Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi lain dalam kerajaan telah mengambil beberapa langkah dengan memperkenalkan program-program untuk menerapkan unsur-unsur keusahawanan dalam kurikulum pendidikan negara ini.

Justeru itu, Bengkel Keusahawanan Bersama Profesor Pengamal Keusahawanan Kolej Babson, Amerika Syarikat telah diadakan di Kolej Kediaman Lelaki, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Bengkel tersebut disertai oleh guru-guru dan penuntut dari 10 buah sekolah menengah dan maktab kerajaan termasuk sekolah

menengah swasta dan teknikal.

Antara pengisian bengkel selama tiga jam itu ialah permainan Lego; jual beli dan menjana idea perniagaan.

Bengkel tersebut diadakan bertujuan bagi meningkatkan kesedaran kepada belia penuntut untuk menjana pengetahuan dalam bidang perniagaan bagi bekalan pada masa hadapan.

Sementara itu, dalam satu temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama Mr. Steve Gold menjelaskan Minggu Kejayaan (Success Weekend) dikehendaki bagi para penuntut Tahun 1 hingga 12, dan ia dijalankan di dalam bentuk bengkel jangka pendek yang menggunakan aktiviti-aktiviti untuk mengajar kemahiran-kemahiran keusahawanan.

Tambahnya, Minggu Kejayaan itu bertujuan membantu para penuntut untuk mencapai potensi

mereka dan direka untuk menjadi lebih praktikal, bermakna para penuntut belajar dengan beraksi dan bukan sekadar mendengar ceramah.

Beliau seterusnya menjelaskan, dengan menggunakan aktiviti-aktiviti serta permainan yang seronok, para penuntut akan dapat memperoleh kemahiran-kemahiran seperti berfikir secara strategik, kerja berpasukan dan perhubungan yang efektif.

Selain membantu para penuntut, Minggu Kejayaan juga melibatkan para guru dalam setiap sesi yang diadakan, untuk dapat berkongsi pengetahuan mengenai pemikiran keusahawanan bagi guru-guru yang mahu mengadaptasi aktiviti-aktiviti yang diadakan di dalam pengajaran mereka.

Aktiviti-aktiviti yang diadakan diharap akan dapat memberikan mereka perspektif baru dalam pengajaran dan pembelajaran yang akan dapat membantu menarik minat para penuntut terhadap pembelajaran mereka.



**PARA peserta bengkel semasa mengikuti aktiviti yang diadakan pada Bengkel Keusahawanan Bersama Profesor Pengamal Keusahawanan.**

# Kenal pasti isu, cabaran warga PA



SESI Dialog Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Dengan Penjawat Awam yang berkhidmat di cawangan-cawangan agensi kerajaan di Daerah Temburong.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Isnin, 5 Mei. - Isu transit atau melintas Limbang semasa waktu bekerja atas urusan kerja mahupun peribadi yang sekali gus menjejaskan waktu bekerja seseorang warga Perkhidmatan Awam (PA) merupakan antara isu yang dibangkitkan sesama Sesi Dialog Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Dengan Penjawat Awam yang berkhidmat di cawangan-cawangan agensi kerajaan di daerah ini.

Sesi Dialog di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar itu juga membincangkan isu mengenai kebenaran ke luar negeri semasa cuti bersalin selama 105 hari iaitu bagi perjalanan dari Temburong menuju ke Bandar Seri Begawan dengan transit melalui Limbang.

Selain itu tatacara pemantauan JPA terhadap ketidaktajiran catatan rekod kedatangan bekerja juga dibangkitkan,

di samping peluang untuk mendapatkan pekerjaan bagi para pelajar yang pernah terlibat dengan kegiatan jenayah.

Terdahulu satu taklimat ringkas disampaikan oleh beberapa orang pegawai kanan JPA, di antaranya menyentuh mengenai Integriti dan Produktiviti Dalam Perkhidmatan Awam, peraturan yang mengawal pegawai kerajaan dari segi kelakuan dan tata tertib, peranan skim perkhidmatan dan peranan perkhidmatan kaunseling JPA.

Rombongan dari JPA yang diketuai oleh Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam, Awang Jaini bin Haji Abdullah itu juga disertai oleh Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Awang Salmin bin Haji Burut dan beberapa pegawai kanan dari Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Juga hadir semasa sesi dialog itu ialah Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Sesi dialog antara lain bertujuan untuk membarigakan dan memberi

kefahaman mengenai beberapa isu Perkhidmatan Awam yang menjadi perhatian JPA dan untuk mengetahui secara lebih dekat lagi serta mengenal pasti isu dan cabaran yang sering dihadapi oleh penjawat awam khususnya berkaitan dengan hal ehwal pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

Melalui sesi seumpama ini diharap akan dapat memberi khidmat nasihat atau 'way forward' ke atas isu dan cabaran yang dihadapi.



ANTARA warga Perkhidmatan Awam di Daerah Temburong yang hadir semasa Sesi Dialog Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Dengan Penjawat Awam di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

## Demonstrasi Sains ASPAC tingkat pengetahuan penuntut

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed



PELAJAR dari Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah mencuba uji kaji sains yang dimudah cara dari Scitech Australia dari Australia.

### Penduduk berperanan menjaga keselamatan kampung

Dari muka 2

Kecemerlangannya ialah biskita akan menikmati lebih kesejahteraan, berasa aman dan selamat daripada ancaman penjenayah dan ancaman pelanggaran undang-undang.

Saya tidak menafikan betapa pentingnya Majlis Perundingan Kampung di seluruh negara turut mengambil berat terhadap aspek keselamatan awam di kawasan masing-masing.

Kita telah banyak bercakap tentang kejadian-kejadian jenayah di kejiranan kampung. Maka sebaiknya sebentar awal ini kita segera merumuskan kerjasama yang akan melibatkan Majlis-Majlis Perundingan menjadi rakan strategik pasukan polis dalam mengawal kesejahteraan dan keselamatan kampung-kampung supaya masing-masing akan mencemerlangkan kampung mereka dengan bebas daripada ancaman jenayah dan kegiatan-kegiatan yang menyalahi peraturan

dan undang-undang.

Demikianlah. Saya mengambil kesempatan dalam sempena kesyukuran biskita untuk bercakap mengenai keselamatan awam. Saya tujukan kepada biskita sebagai pendukung MPK Kampung Kapok ini dan kepada pendukung-Pendukung MPK di seluruh negara supaya akan menjadikan kesejahteraan dan keselamatan awam di kampung-kampung menjadi sebahagian daripada produk dalam mencemerlangkan kampung masing-masing.

Sekali lagi saya sukacita mengucapkan tahniah dan selamat berjaya kepada biskita dengan pesan-pesar yang saya ucapkan lebih awal iaitu: bersyukur menerima Anugerah Cemerlang Taraf Perak untuk biskita meneruskan kejayaan dengan mengolahnya bagi mendapatkan nilai tambah iaitu ganjaran yang lebih yang akan diterima serta dinikmati di dunia dan akan dapat dirasakan nikmat pahalanya di akhirat.

KUALA BELAIT, Isnin, 5 Mei. - Para Pelajar telah berpeluang menyertai pendekatan sains yang telah dikongsi dari tiga negara yang menyertai ASPAC 2014 Sains Outreach di Pusat Minyak dan Gas Discovery (OGDC), Seria.

Seramai 600 pelajar dan guru dari 35 buah sekolah di sini telah dihiburkan dengan beberapa demonstrasi sains sempena Persidangan Tahunan ke-14 Pasifik Rangkaian Asia Sains dan Teknologi Pusat (ASPAC 2014).

ia telah dijalankan oleh pusat sains yang terkenal di rantau ini, termasuk dari Brunei, Malaysia, Thailand dan Australia. Pemudahcara yang berpengalaman dari Scitech Australia, Pusat Sains Negara (Malaysia), Petrosains Malaysia dan Muzium Sains Nasional (Thailand) dan dari Australian National University akan menjelajah ke sekolah-sekolah di seluruh negara untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti sains.

Ini merupakan pendekatan kali pertama kepada masyarakat sekolah secara meluas mengenai Pencapaian Sains yang telah dijalankan oleh ahli-ahli ASPAC dari seluruh rantau ini.

Kemuncak ASPAC dengan tema 'Membina Komuniti Melalui Sains' di mana program ini direka bentuk untuk mewujudkan cara-cara baru, menyeronokkan dan inovatif dalam mengalami sains serta menyediakan pendedahan yang menarik serta selesai bagi Pusat Sains kepada peserta.

Ini bertujuan untuk menarik minat pelajar sekolah rendah dan menengah mengenai penyelidikan berasaskan dan pembelajaran penerokaan sebagai asas dalam bidang sains dan teknologi. Aktiviti sains berkenaan meliputi berbagai jenis kaedah pengajaran sains dan teknologi seperti model pedagogi dari Scitech Australia, Gerakan Inovasi Program oleh Pusat Sains Malaysia dan Persaingan dan Cabaran konsep Petrosains Malaysia.

## BICTA 2014 jana minat generasi muda dalam ICT

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 5 Mei. - Anugerah ICT Brunei (BICTA) 2014 telah dilancarkan pada 4 Mac 2014. Semasa pelancaran anugerah itu, dua anugerah khas baru telah diperkenalkan untuk pertandingan. Salah satu anugerah khas terkini dinamakan 'Young Developers Award'.

Ia bertujuan untuk menggalakkan pemahaman pasaran teknologi global dan kadar di mana ia bergerak. Hari ini pengekodan adalah satu alat yang penting. Dengan anugerah ini, akan diserahkan kepada perisian ICT yang paling inovatif yang dibangunkan oleh peserta di bawah umur 12 tahun, BICTA berharap untuk menjana minat dan sokongan generasi muda dalam bidang ICT.

Satu bengkel rintis telah dijalankan di Dewan Seri Kerna, bangunan AITI, bagi memperkenalkan peserta yang berpotensi untuk 'App Inventor' yang merupakan satu program perisian asas yang generasi muda akan dapat gunakan sebagai platform untuk membina aplikasi mudah alih mereka.

'App Inventor' merupakan bengkel yang bertujuan untuk membangunkan kecekapan pengekodan ICT bagi mereka pada usia yang muda untuk menggalakkan penyertaan belia menyertai BICTA dan AICTA. Projek ini juga dijalankan di Republik Singapura dan Finland.

Bengkel ini akan menyediakan latihan dan melengkapkan generasi muda dengan kemahiran 'Mobile Applications Developer' (MAD) yang telah diadakan untuk peserta di bawah umur 12 tahun. Generasi muda terbaik dari bengkel tersebut akan digalakkan untuk bersaing dalam BICTA 2014.

Bengkel telah diadakan pada 3 hingga 4 Mei dan akan diadakan pada 10 hingga 11 Mei yang berlangsung di dua tempat berasingan iaitu Beg Networks Sdn. Bhd. dan Kolej Perniagaan Laksamana.

Seramai 40 pelajar menghadiri bengkel tersebut yang terdiri dari Sekolah Antarabangsa Brunei, Sekolah Antarabangsa Jerudong, Sekolah Stella Brunei, Sekolah Menengah Chung Hwa (BSB), Sekolah Antarabangsa Sarjana Seri Mulia, Sekolah Antarabangsa Bright Jigsaw, Sekolah Saint Andrew, Sekolah Menengah Chung Hua, Kuala Belait dan PGGMB Sekolah, Sungai Akar dan bengkel ini telah dilaksanakan oleh wakil-wakil dari Institut Teknologi Brunei, BAG Networks Sdn. Bhd. dan Kumpulan Google Pemaju (GDG) Brunei Darussalam dengan sokongan AITI.

Untuk maklumat lanjut mengenai pertandingan BICTA sila layari: [www.bicta.gov.bn](http://www.bicta.gov.bn) atau hubungi [bicta@aiti.gov.bn](mailto:bicta@aiti.gov.bn)

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 26 April. - Pelajar-pelajar Tingkatan Enam Bawah dan Enam Atas (Pra Universiti) Sekolah Menengah Saiyyidina Ali (SMSA) telah menghadiri taklimat mengenai Undang-Undang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 di Dewan Sekolah mereka, di sini.

Taklimat disampaikan oleh lima ahli panel yang diketuai oleh Pegawai Istinbat Kanan Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah yang bertujuan untuk mengukuhkan pengetahuan pelajar dan guru-guru tentang Undang-Undang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 yang dijangka dilaksanakan tidak lama lagi di Negara Brunei Darussalam.

Awang Haji Dennie dalam sesi pengenalan mengingatkan pelajar-pelajar bahawa Pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 terutama yang berhubungan dengan hudud dan qisas yang akan dimulakan pada April tahun ini bukanlah suatu yang asing atau pun yang baru di Negara Brunei Darussalam tetapi pada dasarnya telah mengembalikan pelaksanaan hukum hudud dan qisas itu setelah kira-kira 108 tahun dihentikan pelaksanaannya, yang berpunca dari campur tangan British pada tahun 1906 dalam pentadbiran dan perundangan Negara Brunei Darussalam.

Beliau juga mengemukakan bukti dari laporan-laporan sejarah dari konsul Inggeris St. John Spencer pada tahun 1856 yang menyaksikan dua lelaki telah dipotong tangan sebagai hukuman jenayah mencuri.

Sementara itu, berpandukan

# Hukuman Jenayah Syar'iah bukan perkara baru di NBD

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

kepada buku yang ditulis oleh Allahyarham Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Haji Awang Mahmud Saedon bin Awang Othman, di dalam bukunya bertajuk 'Pelaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam NBD : Satu Tinjauan' menyingkap bahawa sistem perundangan Islam yang dijalankan di Negara Brunei Darussalam telah bermula sejak dari Sultan Brunei yang pertama, Sultan Muhammad Shah pada kurun ke-14 Masihi yang berdasarkan kepada bukti-bukti yang jelas, melalui kewujudan beberapa buah naskah undang-undang Islam yang bertulis yang menjadi fakta sejarah yang perlu kita fahami dengan betul.

Antara topik-topik lain yang disampaikan dalam taklimat tersebut meliputi fasa pelaksanaan, jenis-jenis hukuman berdasarkan kesalahan, kepada siapa perintah ini dikenakan, kaedah pembuktian, kesalahan dan hukuman (Hadd dan Qisas), keadaan-keadaan tertentu di mana hukuman Hadd tidak dikenakan (bagi Sariqah atau Curi) dan kesalahan-kesalahan am.

Ahli-ahli panel penceramah terdiri daripada Dayang Hajah Adina binti Haji Aidin dari Jabatan Peguam Negara dan juga Dayang Hajah Norhatijah binti Haji Puteh, Dayang Noor Diana binti Haji Awang dan Dayangku Hajah Jauyah binti Pengiran Haji Md. Zaini, semua dari Unit Perundangan Syariah.



PARA ahli panel yang menyampaikan taklimat mengenai Undang-undang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013.



Pelajar-pelajar Tingkatan Enam Bawah dan Enam Atas (Pra Universiti) Sekolah Menengah Saiyyidina Ali (SMSA) telah menghadiri taklimat tersebut.



## Wanita puak Dusun peluk Islam

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto: Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 2 Mei. - Seorang Wanita puak Dusun dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala telah menukar kepercayaan dan pegangan hidupnya

**WANITA** puak Dusun memeluk agama Islam yang kini dikenali sebagai Dayang Nur 'izzah Harmizah binti Abdullah Bamban.

dengan memeluk agama Islam.

Majlis pengislaman tersebut disempurnakan oleh Dayang Hajah Siti Ara binti Haji Berudin, Pegawai dari Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara Baru, Jabatan Pusat Da'wah Islamiah (PDI) yang dilangsungkan di Masjid Ash Shaliheen, di sini.

Wanita yang berusia 35 tahun yang berasal dari Kampung Bebuloh

tersebut kini dikenali sebagai Dayang Nur 'izzah Harmizah binti Abdullah Bamban yang sebelumnya dikenali sebagai Norizah binti Bamban.

Majlis pengislaman turut diserikan dengan Dikir Marhaban oleh pasukan dikir Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Lambak Kanan.

Menurut catatan PDI jumlah saudara baru dari bulan Januari hingga Disember 2013 ialah seramai 538 orang dan dari 1 Januari hingga 31 Mac 2014 seramai 94 orang.

## Pertandingan tausyeh wadiah syiar Islam



KUMPULAN Tausyeh perempuan dari Pasukan Temburong yang menyertai Pertandingan Akhir Tausyeh bagi Dewasa dan Belia Masjid Senegara 1435 Hijriah/2014 Masihi.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 26 April. - Sebanyak 32 buah kumpulan Tausyeh menyertai Pertandingan Akhir Tausyeh bagi Dewasa dan Belia Masjid Senegara

1435 Hijriah/2014 Masihi.

Dari jumlah tersebut, sebanyak 16 buah kumpulan tausyeh lelaki dan perempuan bertanding bagi Kategori Dewasa iaitu Ahli Jawatankuasa



KUMPULAN Tausyeh lelaki dari Pasukan Belait yang menyertai Pertandingan Akhir Tausyeh bagi Dewasa dan Belia Masjid Senegara 1435 Hijriah/2014 Masihi.

Takmir Masjid dan Kategori Dewasa iaitu Muslimah Masjid bertempat di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkih, Kampung Kiarong, di sini.

Sementara itu, dua Kategori Belia

iaitu Kumpulan Belia dan Kategori Beliawanis Masjid akan meneruskan pertandingan berkenaan pada 27 April 2014.

Pertandingan ini diungkuhkan

Oleh : Noorati Haji Abas  
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Jame' 'Asr Hassanil Bolkih adalah sebagai wadah untuk menghidupkan lagi syiar Islam melalui zikir tausyeh.

Ia juga bagi menyaht hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara zikir selain untuk mencungkil bakat yang terpendam di kalangan para peserta kumpulan tersebut.

Menerusi pertandingan ini diharap akan dapat melahirkan pegawai masjid, jawatankuasa takmir, jemaah, belia dan beliawanis pandai membawakan tausyeh dengan baik dan sempurna.

# سرولك سوري

## فرينته قانون حكومن جناية شرعية مولا برقواتكواس

فرتام: منحاك أكام، منحاك عقيدة اورغ ۲ اسلام سفاي تيدق ترفيسوغ دري عقيدة يغ سينر.

كدوا: منحاك پاوا تراسوق منحاك اغكوتا توبه بدان سستورغ دري دموسنهكن اتو دجدران.

كتيك: منحاك عقل فيكيران مانسي دري فراكارا ۲ يغ مروسنكن سفرت مينيوم مينومن يغ مابوقن.

كامفة: منحاك كتورونن اكر مانسي ترهيندر دري ملاكوكن فرزان سفاي نسب كتورونن، فروالين، فروارين دان نام بايك ترفليهارا.

كليم: منحاك هرت بندا مانسي دري دجوري اتو درومفق.

والو فون اوندغ ۲ جنابة شرعية اين فد ظاهرين كليهن كرس دان كاسر نامون فد حقيقتن اي مغنوغهي مصلحن دان جامينن كسجهزان باكي مانسي ايت سنديري، سباكيان فرمان الله سبحانه وتعالى سورة البقرة آية ۱۷۹:

تفسير:

دان باكي كامو دالم حكومن قصاص ايت اد جامينن هيدوف واهي اورغ ۲ يغ ممقويبي عقل يغ دافة ميكر دان ماهمين سفاي كامو برتقوي.

حكومن قصاص والوفون كليهن مغكرونكن نامون اي منحامين كامانن دان كسجهزان مشاركة. بيلا اي دجانلكن سجارا عادل دان سقسام ان شاء الله مشاركة اكن منحالين كهيدوفن سهارين دغن فنه كنغن، تنفا يمسغ دان تاكوت، سبالين راتا ۲ كهيدوفن مشاركة هاري اين بايق ترجادي كجورين، رومفقن، روكول، سامون، فمبونون، فناكيهن داده، زنا، جودي، رشوه دان سباكين تله منجادي سوات فبايكيت مشاركة يغ مريساون. اوله ايت كيت فنه يقين دان فرجاي بهوا اوبنن ايله فللسنان اوندغ ۲ شرعية.

سسغكوهن فللسنان حكوم الله اين تيدق شك لاكي اكن منداتكنن كبحيقن، كعادلين، كامانن دان كسجهزان هيدوف سلوروه اومه مانسي. اينله كنجارن يغ دنجيكن اوله الله سبحانه وتعالى. اي اكن منيغككن لاكي هوبوغن فرسوداران دان كاسيه سايع سسام مانسي دان اكن مادمكن سكل

راس فرموسوهن دان سغكيئا. سكل ماجم انچامن جنابة كقد مشاركة اكن دافة داناسي. سكل بتوق كجلا بوروق مورال دان سوشيال اكن دافة دكورغكن ماله دهافوسكن. اف يغ فاليع فنتيغ ايله دغن ملقسناكنن ايت كيت تله منونينن كواجفن كيت ترهادف الله يغ اكن ملقسنن كيت دري دنتوت داخرة.

سام له كيت بردعاء سموك دغن بركة كيت منحالنن اوندغ ۲ الله سبحانه وتعالى دنكارا اين اكن منجاديكن نكارا كيت برقبه امان دان معمور سرت دكرنياكن رزي يغ مليمفه رواه، دان تيدق ترسيرت كدالم كولوغن اورغ ۲ يغ ظالم يغ دموركي اي الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين.

تفسير:

دان سسياف يغ تيدق منتفكن حكوم مغيكوت اف يغ تله دورونكن اوله الله مك مريك اينله اورغ ۲ يغ ظالم.

سباكي رعية دنكارا اين، كيت هندقله مغواتكن جاتي ديري دان كعزامن كيت دغن برتوكول، برصير، تابه دان برهيمه والوفون كيت سدر اد فيهق يغ كورغ سنغ دغن فللسنان اوندغ ۲ اين دنكارا كيت. كيت تيدق فرلو هيراو اف اورغلانن كات يغ فنتيغ كيت يقين بهوا سسسغكوهن كيت براد دجالن يغ بنر دان تيدق سديكيقتون مپوسنهكن اورغلانن.

اوندغ ۲ جنابة شرعية ايت اداله اوندغ ۲ يغ داتغ لغسوغ درقد الله سبحانه وتعالى اتوق مانسي. اوله ايت سوده تنتوله اوندغ ۲ الله اين اداله اوندغ ۲ يغ تربايك دان عادل، بوكن سهاج دسيسا الله تاتفي جوك دالم فنداغن دان فميكيران مانسي يغ وارس دان برلمان. مك جك اد يغ مغاتكنن تيدق بايك، تيدق سسوي دان تيدق عادل، برمعني سجارا تيدق لغسوغ مريك ايت مندعوي سباكي ممقو مغكوبل اوندغ ۲ يغ ليه بايك، ليه سسوي دان ليه عادل درقد اوندغ ۲ الله؟ دعوان سدمكين هان تين كوسوغ بلاكا.

سباكي همبا يغ دجيتنا اوله الله سبحانه وتعالى سوده سنتون مستحيل اتوق بربوات دمكين، مستحيل اتوق منجيتنا اتو مغكوبل اوندغ ۲ يغ ليه بايك، ليه سسوي دان ليه عادل درقد اوندغ ۲ الله سبحانه وتعالى. سدرله واهي قوم مسلمين، سياقله كيت اين برنديغ دغن الله سبحانه وتعالى فنجيتنا ديري كيت دان عالم يغ لواس اين. كيت هاپله مخلوق يغ سربا ليه دان سربا ككوراغن، برنديغ الله يغ مها فراكاس دان مها سمقرنا سكلن. سيمغن تيدق اد حق باكي كيت اتوق ميلميه سلالين درقد اف يغ تله دنتونن اوله الله سبحانه وتعالى، سباكيان فرمانن دالم سورة الاحزاب آية ۳۶:

تفسير:

دان تيدق بوله سام سكال باكي سستورغ لاكي ۲ دان فرمقوان يغ برلمان اقبيل الله دان رسولن منتفكن سسوات فرينته بهوا مريك ممقويبي فيليه يغ لايين دالم اوروسن مريك. دان سسياف يغ مندرهكاي الله دان رسولن مك سسسغكوهن دي تله سست دغن كسستن يغ بات.

واهي قوم مسلمين يغ درحمي الله،

فرلو دايعه بهوا كفتوسن اتوق ملقسناكن فرينته قانون حكومن جنابة شرعية اين بوكنله اتوق سوك ۲ تاتفي اداله انس داسر ماتوهي فرينته الله سبحانه وتعالى يغ ترمكوتوب دالم القرعان دان الحديث. الله سبحانه وتعالى تله ميبوتكن دغن جلس تنتغ عقيبه مغايغكاراي فرينته ترسبوت، سباكيان فرمانن دالم سورة المائدة آية ۴۴:

تفسير:

دان سسياف يغ تيدق منتفكن حكوم مغيكوت اف يغ تله دورونكن اوله الله مك مريك اينله اورغ ۲ كافر.

اوندغ ۲ الله اكن منجامين كسجهزان كهيدوفن مانسي روحاني دان جسماني، سجارا اينديديو، مشاركة دان نكارا. كسجهزان ايت بوكن سهاج اتوق هيدوف دننيا ماله جوك داخرة. جوبا كيت فراهتيكن بتاف اكوغن اوندغ ۲ الله اين يغ مباوا كسلامين دان مغاغة مرتبة مانسي كتمفة يغ ترحرمة دان مليا دغن منحاك ليم مقاصد فرنيستف اوتام دالم اسلام يايبت:

ماريله كيت منيغككن كفقوان كيت كقد الله سبحانه وتعالى دغن فنه كيقينن دان كاخلاصن دغن ملاكوكن سكل سوروهنن دان منيغككن سكل لاراغنن. مدهمداهن كيت منجادي انسان يغ برتقوي دان برلمان سرت سلامة دننيا دان سلامة داخرة.

مسلمين يغ درحمي الله،

الحمد لله، كباوه دولي يغ مها مليا فادك سري بكندا سلطان دان يغ دفرتوان نكارا بروني دارالسلام تله برتبه مغاغتهاركن بهوا هاري هميس ۱ رجب ۱۴۳۵ هجره برسمان ۱ مي ۲۰۱۴ مسيحي اداله تاريخ برموان فقواتكواسان فرينته قانون حكومن جنابه شرعية ۲۰۱۳ فاسا فرتام.

مك دغن فقواتكواسان اين، نكارا كيت تله مغولاغي لاكي سجاره فرأوداغن اسلام يغ فرنه دعملكن برفا قرون تردهولو دنكارا اين. سمو ايت اداله بركة كعزامن كيت دمي اتوق مغاغة مرتبة اكام اسلام دنكارا اين. سسسغكوهن الله سبحانه وتعالى اكن منولوغ كيت جك كيت منغكفنن اكامن. فرتولوغن الله سبحانه وتعالى ايت ساعة لواس دان دالم برباكي بتوق دان جارا يغ مان كيت ساعة برحاجة كقدان. الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة محمد آية ۷:

تفسير:

واهي اورغ ۲ يغ برلمان! جك كامو منولوغ ( ميبلا اكام ) الله نسجاي دي اكن منولوغ كامو منجاي كمناشن دان منكوهن فنديرين كامو.

مسلمين يغ درحمي الله،

سسغكوهن فللسنان اوندغ ۲ اين اداله ساتو سجاره بسر دان ساتو كجاجون كقد نكارا كيت، بوكنن سفرت يغ ددعوي اوله سستغه فيهق سباكي كولوت اتو برأوندور كبلاكغ. اوندغ ۲ الله اداله اوندغ ۲ يغ سسوي دسكل تمفة دان زمان. سسوي فد زمان دهولو، سكارغ دان اكن داتغ سهيغك هاري قيامة. سوائن ايله ماهو اتو تيدق، تقوق دادا تان هاتي نوراني ماسيغ ۲. كيت ملقسناكن حكوم الله اين اداله اتوق منجاري كريضان الله سبحانه وتعالى سمات ۲ دان بوكن اتوق منجاري سيف يغ سوك اتوقون تيدق.

اف يغ فنتيغ كيت سنديري سلاكو اورغ بروني هندقله برساتو تنفا مغيرا اف جوا سوكو قوم دان فكفن. كيت جوك هندقله طاعة ستيا تنفا برله بهايكي كقد فوجوق فيمقينن نكارا.

كيت واجب برشكور كحضرة الله سبحانه وتعالى كران ممقويبي راج يغ منيقيرتكن فرنيستف اجارن اسلام دان حكوم ۲ الله دالم فمبتونن داسر فنتديران، فغوروسن دان اوندغ ۲ نكارا مغيكوت اهل السنة والجماعة مذهب الشافعي.

بكندا اداله راج دالم معنى اولي الامر دالم بركرجانن دان برنكارا. كيت دواجبنن منطاعي اولي الامر سباكيان فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة النساء آية ۵۹:

تفسير:

واهي اورغ ۲ يغ برلمان! طاعته كامو كقد الله دان طاعته كامو كقد رسول الله دان كقد اولي الامر ( اورغ ۲ يغ بركواس ) دري كالغن كامو.

# Qanun Jenayah Syar'iah: Satu Pengenalan

## SAMBUNGAN

Ahli Majlis Ugama Islam  
Brunei Darussalam  
KATA SAMBUTAN

**A**LHAMDULILLĀH, syukur ke hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, saya berbesar hati diberi kesempatan untuk memberikan kata sambutan dalam buku istimewa "Qanun Jenayah Syar'iah: Satu Pengenalan" hasil pena Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, yang diterbitkan tepat pada masanya untuk menyambut satu peristiwa dan sejarah penting di Negara Brunei Darussalam. Saya anggap ia satu penghormatan yang besar bukan saja kepada saya tetapi juga kepada pegawai-pegawai di Pejabat Peguam Negara yang telah bekerja keras, khususnya dari segi pengubalan berpandukan khidmat nasihat dan arahan daripada pakar-pakar yang arif mengenai Qanun Jenayah Syar'iah ke arah sama-sama melaksanakan hasrat dan wawasan Raja yang kita kasih.

Peristiwa dan sejarah penting yang saya sebutkan itu ialah titah raja di singgahsana pada 15 Julai, 2012 bersempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-66 tahun.

"Bersukut dengan 66 tahun keputeraan beta ini, dengan segala kesyukuran, yang melepaskan kita semua terutama raja, dari dituntut oleh Allah Ta'ala pada Hari Kandila kelak, maka beta dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Pemurah, setelah meneliti dan mendapat nasihat daripada badan yang berkenaan, sukacita memaklumkan bahawa beta telah memperkenankan Perintah Qanun Hukuman Jenayah Syar'iah untuk dilaksanakan di negara ini, namun dalam pada itu, peruntukan sivil atau ta'zir atau seakan-akan ta'zir akan terus juga diguna pakai mengikut keperluan."

Seterusnya, sempena menyambut ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-29, baginda bertitah:

"Pada tahun ini saja, ada beberapa rancangan besar yang memerlukan komitmen rakyat. Dalam perkara agama, kita sudah pun menguatkuasakan 'Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012' yang melibatkan seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam. Kemudian seiringan itu kita juga telah berjaya mewujudkan 'Perintah Qanun Hukuman Jenayah sokongan penuh rakyat.'"

Ibarat kata pepatah "tak kenal maka tak cinta" mudah mudahan dengan terbitnya buku "Qanun Jenayah Syar'iah: Satu Pengenalan" yang ditulis oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, seorang yang benar-benar arif mengenai dengan teknik, gaya tulisan dan penyampaian tersendiri yang sangat unik, tidak syak lagi akan dapat menjawab persoalan dan apa jua kemusykilan yang ada, bukan saja di kalangan masyarakat Islam tetapi juga yang bukan Islam.

Selaku Peguam Negara, tidak

dinafikan saya sering diujani dengan soalan mengenai Qanun Jenayah Syar'iah yang kadangkala agak mencabar dan provokatif. Walau bagaimanapun, saya memang tidak dapat memberikan jawapan kerana ia cuma patut dijawab oleh pakar yang ada. Oleh sebab itulah, saya amat mengalu-alukan buku yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri ini, sebagai satu wadah dan sumber yang berharga serta patut dibaca dan berharap ia dapat dimanfaatkan sebagai sumber untuk mendalami dan menghayati Perintah Qanun Hukuman Jenayah Syar'iah ke arah sama-sama mendukung titah raja agar hasrat baginda tercapai dan terlaksana.

Seperti jua titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa majlis bersama rakyat dan penduduk serta penuntut Negara Brunei Darussalam yang berada di Mesir pada 5 Februari, 2013:

"Kepada para pelajar, beta suka menasihatkan supaya memilih ulama mu'tabar, bukannya ulama internet. Ada perbezaan di antara ulama mu'tabar dan ulama internet. Ulama mu'tabar adalah mereka yang bergantung atau bersandar kepada al-Qur'an, as-Sunnah dan ijma', sementara ulama internet pula, suka bergantung kepada pendapat-pendapat sendiri."

Dengan erti kata lain, dalam kita menuntut ilmu biarlah dengan cara yang betul dan bersungguh-sungguh supaya ilmu yang dituntut itu tidak sia-sia.

*Berburu ke padang datar  
Dapat si rusa belang kaki  
Kalau berguru kepalang ajar  
Bagai bunga kembang tak jadi*

Saya cadangkan supaya buku ini dibaca bukan sekali, tetapi berulang kali dan saya sendiri akan melakukannya.

Sekian.  
**Datin Seri Paduka Hajah Hayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Mohd Salleh Peguam Negara**

## KATA SAMBUTAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena memperingati Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda telah berkenan untuk melaksanakan Perintah Qanun Jenayah Syar'iah di Negara Brunei Darussalam. Perintah ini memperuntukkan hukuman-hukuman hudud, qishâsh, diat, arsh dan ta'zir bagi kesalahan-kesalahan sariqah (mencuri), hirabah (rompakan), zina, qadzaf (tuduhan palsu bagi zina), minum minuman yang memabukkan, irtidâd (murtad), qatl (pembunuhan) dan jurh (cedera). Dalam usaha untuk menyedarkan orang ramai mengenai dengan peruntukan-peruntukan perintah ini, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, telah menulis buku ini iaitu "Qanun Jenayah Syar'iah: Satu Pengenalan". Dalam buku ini, Yang Berhormat Mufti Kerajaan telah menekankan kebijaksanaan di sebalik hukuman-hukuman ini dan telah menghuraikan

dengan lebih jelas bahawa bukan semua hukuman itu kejam dan tidak berperikemanusiaan jika difahami sepenuhnya dan sedalam-dalamnya. Objektif utama Undang-Undang Jenayah Syar'iah adalah untuk menghalang penjenayah, melindungi hak-hak dan kepentingan rakyat dan mengekalkan keamanan dan ketenteraman dalam masyarakat.

Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan telah menjelaskan bahawa terdapat syarat-syarat yang tegas bagi membuktikan kesalahan hudud. Sebagai contoh, empat orang saksi yang boleh dipercayai yang diperlukan untuk bukti zina, setiap daripada mereka hendaklah memberikan syahadah (berlakunya zina) itu. Begitu juga dengan dua orang saksi yang boleh dipercayai yang diperlukan untuk bukti sariqah, setiap daripada mereka hendaklah memberikan syahadah bahawa dia telah melihat pencuri memasuki tempat di mana harta yang dicuri itu berada dan keluar dari tempat itu bersama-sama dengan harta yang dicuri. Harta yang dicuri itu hendaklah daripada nilai nishab atau lebih, disimpan dalam jagaan dan dimiliki oleh mana-mana individu. Harta yang dicuri hendaklah bukan harta awam atau harta kerajaan. Pesalah hendaklah tidak berada di dalam keadaan keperluan yang teruk atau paksaan dan tidak ada apa-apa keraguan dalam melakukan kesalahan itu.

Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan juga telah menjelaskan bahawa hukuman sebat adalah tidak terlalu keras menurut Undang-Undang Syar'iah. Tujuan utama sebatan adalah penghinaan terhadap pesalah dengan kesakitan yang sedikit. Pelaksana hukuman akan berdiri berhampiran dengan pesalah itu dan akan menggunakan cemeti dengan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangan melebihi paras kepalanya. Begitu juga pesalah dalam kesalahan irtidâd (murtad) hendaklah diberikan kaunseling yang mencukupi dan masa untuk bertaubat dan jika dia bertaubat pada bila-bila masa, dia akan dibebaskan dengan serta-merta.

Buku ini akan membantu kelancaran pelaksanaan Perintah Qanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013 dan pasti akan menjadi satu bahan rujukan yang berguna kepada hakim-hakim syar'iah, peguam-peguam, pelajar-pelajar dan orang awam. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memberkati usaha Yang Berhormat Pehin Mufti Kerajaan.

**Dato Prof Dr. Anwarullah Pakar Perundangan Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam**

## MUQADDIMAH

Buku ini mengajak umat Islam untuk sama-sama mengenali dan memahami secara lebih dekat Undang-undang Jenayah Syar'iah, kerana selama ini undang-undang ini seperti asing kepada kita, disebabkan pendekatan yang tidak betul oleh musuh dan malah juga oleh orang-orang Islam sendiri yang kurang arif.

Sudah kena masanya untuk membincangkan perkara ini dalam keadaan Negara Brunei Darussalam sendiri yang telahpun mendapat perkenan daripada Raja untuk melaksanakan Undang-Undang tersebut. Dengan adanya perkenan ini, telah dengan sendirinya menjadi



kewajipan kita pula untuk mesti tahu dan kenal benar-benar apa "Undang-Undang Jenayah Syar'iah" itu. Apa rupanya, apa bentuknya, apa rahsianya, apa hikmahnya, bagaimana ia dijalankan, ke atas siapa dan untuk apa serta lain-lain lagi.

Selama ini kita cuma banyak mendengar desas-desus mengenainya. Ada yang berkata, ia hanya sesuai untuk masyarakat di padang pasir pada zaman unta, atau ada juga yang berpendapat Undang-undang ini kejam, tidak sesuai lagi dengan zaman. Atau ada yang berkata belum tiba lagi masanya untuk dilaksanakan dan bermacam-macam lagi.

Sebenarnya apa pun bentuk desas-desus itu, ia adalah keluar dari mulut dan dada yang tidak mengerti tentang Islam. Ini sesuatu yang lumrah dan biasa berlaku, sebagaimana pepatah: "tak kenal maka tak cinta". Kalau tak kenal, bagaimanakah hendak tahu indahnya Islam itu? Kalau tak kenal bagaimanakah hendak tahu hebatnya Undang-Undang Allah itu?

Ini adalah hakikat.

## Qanun atau Undang-Undang Allah

Sebelum secara khusus kita membicarakan mengenai Undang-Undang Jenayah Syar'iah itu, elok terlebih dahulu kita menyebut tentang Undang-Undang Allah secara umum.

Qanun atau Undang-Undang Allah itu jangan ia dianggap sempit. Ia amat luas, meliputi segala aspek: Aspek aqidah, seperti berkaitan dengan ketuhanan dan kenabian. Aspek akhlak, seperti berkaitan dengan perangai, perkataan dan malah rasa hati. Aspek zahir, seperti berkaitan dengan ibadat. Aspek kekeluargaan, seperti berkaitan dengan pernikahan, perceraian, nafkah dan lain-lain. Aspek muamalat seperti berkaitan dengan jual beli, gadaian, perbankan dan lain-lain. Aspek antarabangsa, seperti berkaitan dengan peperangan, perdamaian dan perjanjian-

perjanjian.

Semua itu dicover oleh Undang-Undang Allah. Semuanya cantik, kemas dan sempurna.

Kalau dilihat detailnya, lagi ia cantik, lagi ia menawan serta memikat.

Jangan kata orang Islam saja yang memandangnya cantik, bukan! Orang di luar Islam pun malah turut memandangnya cantik, bahkan menghormatinya. Cuma sanya mereka itu tidak mahu berterusterang untuk mengakuinya. Ini adalah normal bagi sesiapa yang berbeza aqidah. Tetapi sekali-sekala ada juga orang yang berbeza aqidah itu terlanjur lidah untuk memuji Islam, untuk memuji Nabi Muhammad Shallallahu alaihi wasallam, contohnya seperti George Bernard Shaw seorang ahli falsafah Inggeris yang terkenal pernah berkata:

*I believe that if a man like him were to assume the dictatorship of the modern world, he would succeed in solving its problems in a way that would bring it the much needed peace and happiness: I have prophesied about the faith of Muhammad that it would be acceptable to the Europe of tomorrow as it is beginning to be acceptable to the Europe of today.*

(Saya yakin, apabila orang seperti Muhammad memegang kekuasaan tunggal di dunia moden ini, dia akan berhasil mengatasi segala permasalahan sehingga membawa kepada kedamaian dan kebahagiaan yang amat diperlukan oleh dunia. Saya meramalkan bahawa, agama yang dibawanya akan diterima oleh Eropah pada masa akan datang kerana ia telah mula diterima oleh Eropah pada hari ini.)

Inilah pengakuan salah seorang ahli fikir dunia kepada Nabi Muhammad Shallallahu alaihi wasallam, yang bererti juga kepada Islam sendiri.

BERSAMBUNG

# Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 bincang pelbagai isu

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali dari Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar



**NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR,** Ahad, 11 Mei. - Buat julung-julung kalinya, Republik Kesatuan Myanmar menjadi tumpuan serantau dan antarabangsa apabila republik tersebut menjadi tuan rumah dan seterusnya mengpergunakan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 tahun ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat menghadiri majlis tersebut yang berlangsung di Jade Hall, Pusat Persidangan Antarabangsa Myanmar International Convention Centre - MICC), di Nay Pyi Taw, di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Ruang Legar, MICC dijunjung oleh Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein dan Isteri, Puan Daw Khin Khin Win.

Pertemuan yang membincang-

kan pelbagai isu itu disempurnakan perasmianya oleh TYT Presiden Republik Kesatuan Myanmar dan juga dihadiri oleh para pemimpin ASEAN yang lain bersama delegasi masing-masing.

Semasa majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah berkenan berangkat menyertai para pemimpin ASEAN yang lain bagi sesi bergambar ramai.

Mengiringi keberangkatan baginda ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 tahun ini yang bertemakan "Menuju Ke Hadapan Dalam Perpaduan Masyarakat Yang Aman dan Makmur" (Moving Forward in Unity to a Peaceful and Prosperous Community) antara lain memfokuskan beberapa keutamaan antaranya untuk menetapkan bidang-bidang keutamaan bagi mempercepatkan pelaksanaan Komuniti ASEAN dan mengkaji semula status membangun komuniti, di samping menentukan inisiatif-inisiatif untuk menggiatkan ASEAN.

## Wawasan ASEAN perlu lebih mencabar, berpandangan jauh

Dari muka 1

Baginda bertitah memuji Presiden U Thein Sein terhadap kenyataannya, dan menyatakan sokongan penuh baginda kepada semua pelan dan keutamaan yang dikenal pasti dalam Deklarasi Nay Pyi Taw.

Sesi plenari yang dipengerusikan oleh Presiden Republik Kesatuan Myanmar itu diadakan sejurus selepas Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24.

Semasa sesi tersebut, pemimpin-pemimpin ASEAN antara lain membincangkan mengenai Deklarasi Nay Pyi Taw 'Menuju Ke Hadapan Dalam Perpaduan Masyarakat Yang Aman dan Makmur' (Moving Forward in Unity to a Peaceful and Prosperous Community), di samping bertukar-tukar pendapat mengenai perkembangan pelaksanaan Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015; memperkukuhkan institusi-institusi ASEAN dan juga mengenai hala tuju strategik bagi Komuniti ASEAN selepas 2015.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar kenangan bersama Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein dan isteri, Puan Daw Khin Khin Win sejurus tiba di Jade Hall, Pusat Persidangan Antarabangsa Myanmar (Myanmar International Convention Centre - MICC) di Nay Pyi Taw.

## Rancang hala tuju Komuniti ASEAN selepas 2015

**NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR,** Ahad, 11 Mei. - Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein berkata, ASEAN berada dalam keadaan kritikal dan hendaklah memastikan semua langkah-langkah yang perlu dalam pembangunan komuniti diambil tepat pada masanya untuk merealisasikan Komuniti ASEAN yang hanya tinggal satu setengah tahun.

TYT U Thein Sein berkata demikian ketika berucap menyempurnakan Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24, berlangsung di Jade Hall, Pusat Persidangan Antarabangsa Myanmar International Convention Centre - MICC), di Nay Pyi Taw, di sini.

Menurut TYT adalah amat penting bahawa penduduk ASEAN akan menjadi sebahagian daripada usaha tersebut dan mendapat manfaat sepenuhnya daripada proses integrasi ASEAN dan pembangunan komuniti.

Kekuatan institusi ASEAN, ujar TYT juga perlu dengan fasa baru integrasi sebagai komuniti.

"Dalam hal ini adalah penting untuk melakukan kajian semula yang komprehensif mengenai pelaksanaan

pelan induk untuk Komuniti ASEAN dan untuk memastikan bahawa sasaran ASEAN disadari sepenuhnya dalam proses pembinaan komuniti," jelas TYT.

Perancangan hala tuju yang jelas bagi Komuniti ASEAN selepas 2015, ujar TYT adalah juga sama pentingnya untuk memastikan ianya relevan dengan persekitaran global yang berubah-ubah. Menyentuh mengenai isu perubahan iklim TYT menekankan mengenai keperluan segera untuk membangkitkan isu berkenaan.

Isu tersebut, kata TYT adalah sangat penting bagi ASEAN di mana sains perubahan iklim adalah kompleks namun ASEAN menyedari bahawa ianya berlaku dan mendekati dengan pantas daripadanya yang dijangkakan.

Sehubungan dengan itu, TYT mengusulkan tiga cadangan untuk mengutarakan isu mengenai perubahan iklim iaitu pertama dengan mencadangkan bagi mewujudkan kapasiti Maklum Balas Segera ASEAN (ASEAN Rapid Response), di samping perlunya ASEAN menubuhkan dana kecemasan untuk memajukan kapasiti sedemikian.

TYT seterusnya mencadangkan untuk mewujudkan rangkaian kerja pusat

kajian di negara-negara anggota ASEAN untuk berkongsi pengetahuan mengenai iklim yang boleh diadaptasikan pada produk-produk pertanian.

Sebelum mengakhiri ucapannya, TYT mengusulkan agar melakukan tindakan yang perlu untuk mengurangkan kesan perubahan iklim di mana perubahan iklim itu merupakan masalah dunia yang secara langsung juga merupakan masalah ASEAN.



PRESIDEN Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein menyempurnakan Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama para pemimpin ASEAN yang lain pada Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 yang berlangsung di Jade Hall, MICC di Nay Pyi Taw.

## Berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari, Sesi Retreat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai pemimpin-pemimpin ASEAN lain dalam Sesi Retreat (atas), sementara gambar bawah kiri, baginda berangkat ke Sesi Plenari, manakala gambar bawah kanan, suasana Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 yang dipengerusikan oleh Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein.



**NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR,** Ahad, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai Pemimpin-Pemimpin ASEAN lain bagi Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein.

Majlis Santap Tengah Hari berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Myanmar (Myanmar International Convention Centre - MICC), di Nay Pyi Taw itu diadakan bersempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 yang dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama.

Terdahulu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat bersama para pemimpin ASEAN yang lain, yang diadakan di Pearl Hall, MICC.

Semasa sesi tersebut para pemimpin ASEAN bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa serta persiapan bagi Sidang Kemuncak G-20.

Mengiringi keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng dan Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

No. Tawaran : JPPK/LTN/26/2014

Tajuk Tawaran :  
**PROPOSED RENOVATION OF  
EXISTING FEMALE OFFICERS  
ACCOMMODATION B2, B3 & B5 AT  
ANGGREK DESA FLAT**

Bayaran Tawaran : BND\$50.00  
(Tidak dikembalikan)

Kelas : III & KE ATAS  
Kategori : KA01 ATAU BO1

Tempoh Penyiapan :  
EMPAT (4) BULAN

**Syarat-Syarat Tawaran :**

a) TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok C, Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkliah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 20 Mei 2014.**

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.



## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG KELAS IV DAN KATEGORI KA01 & B01**

**BIL: KHEU/BDP/LTK/011/2014**  
**MASJID BARU BAGI KAWASAN RANCANGAN PERUMAHAN NEGARA MERAGANG**

**YURAN DOKUMEN: \$1,000.00**  
**(TIDAK DIKEMBALIKAN)**

**Tarikh dan jam tutup mengambil dokumen tawaran: 10 Jun 2014**  
**(3.00 petang)**

**Tarikh Tutup: 17 Jun 2014 (2.00 petang)**

**Syarat-Syarat Tawaran :-**

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam (kecuali ditetapkan alamat yang lain dalam iklan atau dokumen tawaran) tidak lewat dari jam 2.00 petang pada tiap-tiap hari Selasa seperti tarikh yang telah ditetapkan.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Kontrak.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah didapati dan diperolehi dari **Tingkat 1, Bahagian Kewangan, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar Berakas BB3910, Negara Brunei Darussalam.** Jumlah yuran adalah seperti berikut.

5. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada berjaya atau yang tidak kecuali

kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah di hantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI

**JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN**  
**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bil. Sebut Harga : JPE / LTK / BP / 040 / 2014**

**Tajuk Kerja : SUPPLY AND DELIVERY OF 4G/120SQMM XLPE/SWA/PVC LV CABLE**  
**Tarikh Tutup : 20 MEI, 2014 (Hari Selasa) Jam 2.00 Petang**  
**Yuran Tawaran : BS\$30.00**

**(tidak dikembalikan)**  
**Tempat Tutup : "PETI TAWARAN",**  
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**  
**JABATAN PERDANA MENTERI,**  
**JALAN MENTERI BESAR**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Kelayakan : PEMBEKAL YANG BERDAFTAR**  
**DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BAGI**  
**KATEGORI P01 ATAU P05**  
**KELAS: II DAN KE ATAS**

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Bahagian Kaunter Unit Pendaftaran, Tingkat 1, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Bandar Seri Begawan.

**PERHATIAN:**

Sila bawa salinan Sijil Perniagaan di Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen di Kaunter Unit pendaftaran Bahagian perdagangan Tingkat Satu (1) Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



**JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**TAWARAN MEMBEKAL DUA (2)  
BUAH KERETA PACUAN 4 RODA  
(4WD) BAGI JABATAN TANAH,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN TAWARAN : 2/2014**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN :**

1. PENENDER-PENENDER mestilah menyatak dokumen-dokumen seperti berikut:
  - a) Borang tawaran membekal dua (2) buah-kereta Pacuan 4 Roda (4WD) bagi Jabatan Tanah, Negara Brunei Darussalam.
  - b) Salinan kad pengenalan / pasport

- pemilik-pemilik / syarikat.
- c) Salinan sijil pendaftaran akta-akta nama-nama perniagaan (Certificate of Registration - Business Names ACT).
  - d) Salinan resit pembayaran bagi yuran tawaran.
  - e) Surat pengakuan bertulis penender (Tenderer's Declaration Form).
2. Tawaran hendaklah di hantarkan dalam sampul surat yang tertutup rapi yang bertulis 'TAWARAN MEMBEKAL DUA (2) BUAH KERETA PACUAN 4 RODA (4WD) BAGI JABATAN TANAH, NEGARA BRUNEI

**DARUSSALAM'.**

Bilangan Tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dimasukkan ke dalam peti tawaran **tidak lewat pada Selasa, 20 Mei 2014 jam 2.00 petang** dan ditujukan kepada :

**PENGERUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
TINGKAT BAWAH BANGUNAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN,  
LAPANGAN TERBANG LAMA  
BERAKAS,  
BANDAR SERI BEGAWAN BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

3) Borang tawaran boleh didapati di Tingkat 4, Jabatan Tanah, Brunei Darussalam dan Pemborong mestilah membayar Yuran Tawaran berjumlah **\$20.00 (Dua Puluh Ringgit Brunei sahaja)** yang tidak akan dikembalikan.

4. Tarikh buka tawaran pada **14 April 2014 dan tarikh tutup tawaran pada 20 Mei 2014 jam 2.00 petang.**

5. Pembayaran bolehlah dibuat semasa waktu pejabat dibuka iaitu hari Isnin hingga Khamis jam 8.00 hingga 11.00 pagi dan 2.00 hingga 3.00 petang dan hari Sabtu jam 8.00 hingga 11.00 pagi di Kaunter Pembayaran Tingkat 1, Pejabat Tanah Brunei dan Muara, Bangunan Jabatan Tanah, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**TAWARAN: PEMBELIAN 1 BUAH BAS 22 - SEATER  
BIL TAWARAN : (01) JBS/ADM/TDR/05/2014**

Syarat-Syarat Tawaran:-

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kepada :

**Peti Tawaran**

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
Tingkat 1, (Ruang Masuk/Penyambut Tetamu),**

**Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,**

**Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,  
Bandar Seri Begawan BA 1211  
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Selasa, 3 Jun 2014, jam 2.00 petang** dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.

Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan dan seterusnya dihantar dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi dimana pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan /tajuk tawaran tanpa menunjukkan pengenalan Syarikat/Pembekal.

Dokumen-dokumen dan borang tawaran boleh diperolehi daripada;

**Unit Hasil,**

**Bahagian Pentadbiran dan Kewangan  
Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan  
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,  
Bandar Seri Begawan BA 1211  
Negara Brunei Darussalam**

pada waktu-waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi kecuali hari Sabtu hanya sehingga 10.30 pagi sahaja dengan harga satu tawaran sebanyak \$25.00.



**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JUALAN LELONG SECARA  
TERTUTUP**

**PETI TAWARAN TERTUTUP  
TINGKAT BAWAH  
JABATAN PERKHIDMATAN  
BANGUNAN**

**JABATAN KERJA RAYA  
SIMPANG 45, LAPANGAN TERBANG  
LAMA  
BERAKAS BB 3510  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TAWARAN**

**TARIKH DIBUKA: 24 April 2014**

**TARIKH TUTUP : 12 Mei 2014**

**TARIKH MELIHAT: 24 APRIL**

**HINGGA 12 MEI 2014  
KETERANGAN HAWA DINGIN**

**LOT 1. Split Type berbagai jenis  
(Aikon, York, General, Galanz, Fujiaire)  
Banyak: 24**

**LOT 2. Window Type berbagai jenis  
(General, National, Carrier)  
Banyak : 4**

**TEMPAT**

**Bengkel Kampong Sibulu, Jabatan  
Kerja Raya Daerah Temburong**

**Syarat-Syarat Tawaran**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong swasta dan orang-orang perseorangan.

2. Norang penyertaan boleh diperolehi di Tingkat 1, Jabatan Kerja Raya, Cawangan Daerah Temburong pada bila-bila masa sahaja

waktu bekerja. Borang Tawaran akan dikenakan bayaran sebanyak **Dua Ringgit (\$2.00)**. Keterangan lanjut atau pertanyaan bolehlah menghubungi Awg Isa bin Kahar di talian telefon 5221250, 5221302.

3. Tempat dan waktu melihat barang-barang lelong pada **24 April 2014 hingga 12 Mei 2014 bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang semasa hari-hari bekerja bertempat di Bengkel JKR Kampong Sibulu, Jalan Selangan - Bokok Daerah Temburong.**

4. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar terus kealamat dinyatakan dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat dan ditulis dengan terang tanpa membuluh nama penawar di luar sampul surat tersebut:- **TAWARAN LELONG SECARA TERTUTUP BAGI PERALATAN ELEKTRIK KEPUNYAAN JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN** dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga ber-

alamat berikut:- **Peti Sebut Harga, Tingkat Bawah Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Jabatan kerja Raya, Simpang 45, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510 Negara Brunei Darussalam.**

5. Tarikh tutup tawaran pada hari **Isnin 12 Mei 2014 jam 8.00 pagi**. Tawaran yang lewat diterima dari masa tarikh yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran rosak dan tawaran secara pos tidak akan dilayan.

6. Hanya pembeli yang berjaya akan dimaklumkan untuk tindakan selanjutnya.

7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dan seterusnya bertanggungjawab untuk memindahkan barang yang dibeli dalam tempoh Tujuh (7) hari setelah menerima surat makluman. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan dan barang-barang tersebut akan dilelong semula atau dimusnahkan.



**JABATAN UKUR  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**1. BILANGAN TAWARAN:  
JUA/03/2014**

**RIGOROUS ADJUSTMENT OF  
CADASTRAL LOTS TO GEOCENTRIC  
DATUM OF BRUNEI (GBDB 2009)**

TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Setiap penender hendaklah menyatakan seperti berikut:

- a. Sah Laku tawaran.
- b. Tempoh masa untuk menyiapkan projek.

c. Ringkasan tatacara untuk membuat pengukuran projek ini.

Borang tender's declaration hendaklah disertakan setelah diisi dengan lengkap dan ditandatangani.

Dokumen dan borang tawaran serta keterangan lanjut boleh diperolehi di **Pusat Maklumat Geomatik, Tingkat 2, Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam** dengan membayar yuran tawaran seperti yang diadualkan dan dihantar pada hari bekerja :

**Hari Isnin hingga Khamis**

**2.00 petang - 3.00 petang  
Hari Sabtu  
8.00 pagi hingga 10.00 pagi**

Harga tawaran adalah mengikut harga yang dianggarkan oleh Jabatan Ukur.

Yuran bagi Tawaran ini ialah **BND30.00**.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan.

Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda syarikat pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

Tawaran hendaklah dihadapkan pada atau **tidak lewat jam 2.00 petang pada Hari Selasa, 13 MEI 2014** kepada alamat berikut:-

**Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil,**

**Kementerian Pembangunan,  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas BB3510,  
Negara Brunei Darussalam.**

Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.

Salinan dokumen-dokumen berikut hendaklah disertakan:-

- i) Sijil Pendaftaran Perniagaan
- ii) Lesen Rampaian
- iii) Kad Pengenalan/ No. Pasport
- iv) Daftar Pemilik syarikat

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



Agensi Pekerjaan Tempatan dan  
Pembangunan Tenaga Kerja (APTK)  
dan Jabatan Perancangan dan  
Kemajuan Ekonomi (JPKE)



Brunei Muara, Zon 2

14 – 15 Mei 2014  
9 pagi – 5 petang  
Pusat Belia, BSB

- ◆ PELUANG PEKERJAAN
  - ◆ TEMUDUGA TERBUKA
  - ◆ KLINIK KERJAYA
  - ◆ PENDAFTARAN KURSUS
- Masuk adalah percuma. Sila bawa CV, sijil dan kad pengenalan.



**PUSAT INOVASI INDUSTRI HALAL  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN**

**PUSAT INOVASI INDUSTRI HALAL  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN  
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil KPSSU, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam

tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Selasa, 20 Mei 2014.

**KPSU/HHIC/TAW0001/2014-2015: SITE  
MAINTENANCE OF AGROTECHNO-  
LOGY PARK ZONE B PHASE 1, KG.  
TUNGKU GADONG**

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti

pembekal.

4. Satu Contoh dokumen tawaran akan diperlihatkan dan pembayaran yuran boleh dibuat di **Tingkat 4, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910 Negara Brunei Darussalam.**

5. Yuran Tawaran sebanyak **B\$30.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran** adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

6. Dokumen dan borang Tawaran boleh diperolehi di Ibu Pejabat, Pusat Inovasi Industri Halal, Kampung Tungku dengan membawa dan melihatkan resit pembayaran yang telah pun di buat di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

8. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

9. Semua Penender dan/atau wakilnya hendaklah DIMESTIKAN hadir untuk mendengar sesi taklimat dan penerangan mengenai tawaran di atas pada **17 Mei 2014 (Hari Sabtu) Bilik Mesyuarat, Pusat Inovasi Industri Halal, Kampung Tungku, Gadong BE 2119.**

10. Tawaran dibuka mulai 6 Mei 2014 (Hari Selasa) dan penjualan borang dokumen tawaran berakhir pada **17 Mei 2014 (Hari Sabtu).**



**JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**INVITATION TO SUBMIT  
PROPOSAL FOR  
MANAGEMENT OF CRUISESHIP  
CENTRE  
@ MUARA PORT**

**TENDER REFERENCE:  
JP/T16/2013-2014  
(RETENDER 1)**

**1. INSTRUCTION TO PROPONENTS**

**1.1 Introduction**

Ports Department, Ministry of Communications is pleased to invite Proponents to **SUBMIT PROPOSAL FOR MANAGEMENT OF CRUISESHIP CENTRE @ MUARA PORT** as stated in Chapter 144, SECTION 7, subject to the provisions of this Act and any other written law, the Director shall be charged with the administration and control of the Ports Department and it shall be his duty, so far as public funds are available for the purpose, -

(a) To provide and maintain adequate, efficient and appropriate port services and facilities in the land area of every port;

(b) To promote the use, improvement and development of the land area of every port; and

(c) To carry out such other duties as are imposed upon the Director by this Act and any other written law.

1.2 Documents are available for collection for B\$10 (non-refundable) by interested parties at Tender & Quotation Division, Ports Department, Muara BT 1728, Brunei Darussalam during normal working hours (MONDAY TO

THURSDAY : 8.00 AM - 11.00 AM & 1.30 PM - 2.30 PM and SATURDAY : 8.00 AM - 10.00 AM)

**not later than WEDNESDAY, 7TH MAY 2014.**

1.3 Submissions shall be made in duplicate, in sealed envelopes, bearing no name or no logo of the proponent. Title, reference and closing date of the proposal shall be printed at top of the envelope as follows:

**INVITATION TO SUBMIT  
PROPOSAL FOR  
MANAGEMENT OF CRUISESHIP  
CENTRE  
@ MUARA PORT**

**TENDER REFERENCE:  
JP/T16/2013-2014  
(RETENDER 1)**

**CLOSING DATE: 13TH MAY 2014  
and deposited at the following address:**

**The Chairman  
Mini Tender Board  
Ministry of Communications  
Jalan Menteri Besar, BB3510  
Brunei Darussalam**

**Not later than 1400 Hours on Tuesday,  
13TH May 2014.**

1.4 No warranty or representation is given by the Government of His Majesty, Ports Department or the Director of Ports in respect of the accuracy, correctness and validity of the information or statements contained herein. It shall be the duty of the proponents to carry out due diligence exercise as they deem fit to ascertain the viability of the proposed project herein. Notwithstanding anything to the con-

trary herein contained, nothing herein shall be deemed to be an offer in relation to the matters contemplated in respect of the proposed project.

**2. REQUIREMENTS OF THE  
PROPOSAL**

2.1 Open to Brunei Darussalam registered companies.

2.2 Experiences as event management / marketing / Estate management or joint venture with other companies is an advantage.

**3. SUBMISSION PROCEDURES  
(TERMS AND  
CONDITIONS)**

**3.1 The Submission**

3.1.1 The prospective Proponents shall submit Proposal For MANAGEMENT OF CRUISESHIP CENTRE @ MUARA PORT.

3.1.2 Upon purchase of the Documents, the prospective Proponent shall become registered as a Proponent with the right to participate in the submission subject to the terms and conditions set out herein, (hereinafter referred to as "the Proponent").

3.1.3 The current address of the proponent furnished by the Proponent shall be the address at which the Director of Ports shall serve all the notices. Notice(s) shall be deemed to be validly served by the Director when they are sent by registered mail to the Proponent.

3.1.4 Clarification Meeting / Site Inspection will be conducted at the CRUISE SHIP CENTRE one week before the closing date i.e. ON THURSDAY, 8TH MAY 2014 @ 9.00 AM. Proponent's attendance is mandatory. It is hereby deemed that the Proponents will make themselves fully acquainted with all relevant factors/considerations and have collated all requisite data for the submission of the Proposals.

3.1.5 Registered Proponents may send queries, if any, to the Director of Ports on or before **13 May 2014**. No interpretation, revision or other communication regarding the Submission is valid unless given in writing and signed by the Director of Ports. Written copies of clarifications, responses to queries including description of the enquiry but without identifying the Proponent who made the enquiry, shall be sent to all proponents by the Director of Ports.

3.1.6 At any time prior to the deadline for submission of the Proposals, the Director of Ports, may at his own initiative, amend the documents and its contents thereof, by way of issuing an addendum. The addendum shall be sent in writing to all the Proponents and shall be binding upon them. Receipt of the Addendum shall be acknowledged in writing by all the proponents.

**3.2 The Proposals**

3.2.1 Every Proponent is required to submit its offer in duplicate, in sealed envelopes, bearing no name or no logo of the Proponent containing the "Invitation To Submit Proposal for MANAGEMENT OF CRUISESHIP CENTRE @ MUARA PORT".

3.2.2 Any information, data or material ("information") in the Proposal which are intended to be confidential must be marked as such by the Proponent. The Director of Ports shall treat all such confidential information in confidence and shall require that all who have access to such information to treat it in confidence.

3.2.3 The Proposal shall be submitted by the closing date, **Tuesday, 13 May 2014 not later than 1400 Hours to The Chairman, Mini Tender Board, Ministry of Communications, Jalan Menteri Besar, BB3510, Brunei Darussalam.**



**JABATAN PERANCANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN PERANCANGAN DAN  
KEMAJUAN EKONOMI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
JUALAN LELONG SECARA  
TERTUTUP**

**TAJUK Sebut Harga:** Sebut Harga bagi jualan lelong harta benda kerajaan bagi satu buah kenderaan Wagon - Ford Mondeo 2.0i

Borang sebut harga boleh diperolehi daripada Kaunter unit Kewangan Aras 5.02 East Wing, jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Blok 2A, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Negara Brunei

Darussalam pada waktu-waktu bekerja iaitu:-

**Hari Isnin hingga Khamis**

**8.00 pagi hingga 11.45 pagi**

**1.45 petang hingga 3.00 petang**

**Hari Sabtu**

**8.00 pagi hingga 10.00 pagi**

Bayaran dokumen dan pentadbiran adalah sebanyak **\$5.00 (tidak dikembalikan)** dan hendaklah dibayar secara tunai.

Sebut harga hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat tertutup dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga yang disediakan di **Tingkat Bawah, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi,**

tidak lewat hari Rabu, 14 Mei 2014 jam 9.15 pagi. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis tajuk sebut harga dan tarikh tutup sebut harga seperti yang di iklankan serta tanpa menunjukkan identiti pembeli dan ditujukan kepada:

**Pengerusi**

**Jawatankuasa Sebut Harga**

**Jabatan Perancangan dan Kemajuan  
Ekonomi**

**Jabatan Perdana Menteri**

**Blok 2A Kondominium Ong Sum Ping,**

**Jalan Ong Sum Ping,**

**Negara Brunei Darussalam**

Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai adalah dipelawa untuk datang bagi membuat penaksiran dan mengenalpasti kenderaan

tersebut yang di adakan di kawasan Letak Kereta, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Blok 2A Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, pada **10, 12 dan 13 Mei 2014** bermula jam 8.30 pagi hingga 11.00 pagi. Untuk keterangan lanjut boleh menghubungi Unit Kewangan di talian 2233344 sambungan 524 atau 378.

Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan dikeluarkan dan memindahkenderaan tersebut dalam tempoh tiga (30) hari setelah bayaran dijelaskan sepenuhnya.

Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira batal dan tidak akan dilayan.

# Berpengakap bentuk masyarakat berjaya, cemerlang

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim

'KECIL-KECIL cili padi', meskipun kecil tapi berani. Begitulah yang dapat digambarkan kepada salah seorang aktivitis masyarakat begitu aktif dan agak dikenali di daerah ini mahupun di seluruh Negara Brunei Darussalam. Beliau yang dimaksudkan ialah Yang Dipertua Persatuan Pengakap Daerah Temburong (PPDT) dan juga selaku Naib Yang Di-Pertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Skipper Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba.

Atas perkhidmatan cemerlang yang beliau curahkan kepada PPNBD, maka semasa Jambori Nasional Ke-4 PPNBD pada Disember 2013 Skipper Awang Haji Matusin telah dianugerahkan Bintang Rakis, salah satu bintang tertinggi dalam PPNBD. Penganugerahan bintang tersebut disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Skipper Awang Haji Matusin menjelaskan bahawa beliau telah pun berjinak-jinak dalam kegiatan berpengakap ini semasa masih kecil lagi namun minat untuk menceburi pengakap secara serius itu belum tercapai sehinggalah beliau menjadi seorang guru sekitar tahun 1981 semasa bertugas di Sekolah Rendah Puni. Pada waktu itu guru-guru adalah digalakkan untuk menerajui kegiatan-kegiatan kokurikulum oleh itu beliau telah memilih kegiatan berpengakap sebagai salah satu kegiatan kepada murid-murid di sekolah berkenaan. Lebih-lebih lagi pada masa itu iaitu sekitar tahun 1980-an kegiatan berpengakap di daerah Temburong terlalu kecil dengan hanya dua pasukan ketika itu iaitu di Sekolah Rendah Sultan Hassan dan Sekolah Menengah Sultan Hassan.

## LEBARKAN SAYAP PERSATUAN PENGAKAP DAERAH TEMBURONG

Seorang anak jati Daerah Temburong yang lahir pada 19 Disember 1956 di Kampung Senukoh, Mukim Labu, Skipper Awang Haji Matusin merupakan seorang yang mempunyai semangat yang kuat dan kental. Setelah berjaya menubuhkan dan memimpin Pasukan 4005 Pasukan Pengakap Sekolah Rendah Puni pada tahun 1980-an beliau terus melebarkan sayap Persatuan Pengakap Daerah Temburong dengan memimpin sebuah lagi pasukan pengakap iaitu Pasukan 4006 Pasukan Pengakap Sekolah Rendah Selangan, Temburong.

Pada tahun 1996, beliau memimpin sebuah lagi pasukan pengakap iaitu Pasukan 4002 Pasukan Pengakap Sekolah Rendah Sultan Hashim Batu



SKIPPER Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba ketika dianugerahkan Bintang Rakis yang disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Apoi, Temburong. Penglibatan beliau dalam kegiatan berpengakap tidak terhenti setakat itu saja, di mana pada tahun 1994 hingga 2005, beliau telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Daerah Persatuan Pengakap Daerah Temburong dan pada tahun 2006 beliau memegang jawatan sebagai Yang Di-Pertua PPDT hinggalah sekarang.

Pada tahun 2010 sekali lagi beliau diberi penghormatan apabila PPNBD telah melantik beliau menjadi Naib Yang Di-Pertua PPNBD hinggalah kehari ini.

Di antara kegiatan berpengakap di luar negara yang pernah disertai sejak menjadi seorang pengakap ialah;

- Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik kali ke-13 di Jakarta, Indonesia pada tahun 1982
- Perkembangan jubli Emas Pengakap Labuan pada tahun 1983
- Persidangan Pengakap Rantau Asia Pasifik kali ke-16 di Republik Singapura pada tahun 1995
- Jamboree Pengakap Selangor, Malaysia pada tahun 1996
- Jamboree Rantau Asia Pasifik ke-18 dan National Jamboree Malaysia ke-9 Terengganu, Malaysia pada tahun 1997.

Selain kegiatan-kegiatan yang tersebut di atas, Skipper Awang Haji Matusin juga menyertai banyak lagi kegiatan berpengakap yang diadakan di dalam negara khususnya.

## MANFAAT BERPENGAKAP

Menurut Skipper Awang Haji Matusin, terdapat beberapa perkara yang menjadi garis panduan dalam menjalani kehidupan.

"Pertama sekali dalam kitani sebagai seorang anggota masyarakat mahupun sebagai anggota perkhidmatan awam. Saya sangat menyanjung tinggi di antara perkara iaitu undang-undang pengakap itu sendiri kerana di antara undang-undang pengakap itu boleh membentuk diri kitani. Diantaranya kita harus bertanggungjawab dimana ianya bukan hanya disebut malah sebaliknya hendaklah dilaksanakan. Tetapi yang paling besar adalah menghargai/menghormati masa. Ini perkara yang menjadikan kitani berjaya dalam kehidupan di mana menghargai atau menghormati masa amatlah diambil serius oleh saya," jelasnya.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa dalam berpengakap masa itu sangatlah penting di mana sesaat masa

**"SAYA telah menggunakan kebijaksanaan dengan berpandukan kepada pengalaman berpengakap dalam mengurus hal-hal bencana sedemikian. Pembahagian tugas itu sebenarnya saya perolehi apabila mengikuti kegiatan-kegiatan berpengakap secara teori dan saya praktikkan semasa banjir melanda daerah Temburong. Ternyata ia berjaya."**

**-Yang Dipertua Persatuan Pengakap Daerah Temburong (PPDT) dan juga selaku Naib Yang Di-Pertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Skipper Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba.**

yang diabaikan maka banyak kerugian yang dialami. Berpengakap juga jelasnya membentuk diri seseorang agar berdisiplin serta akan timbul keinginan untuk menolong orang lain. Skipper Awang Haji Matusin seterusnya menjelaskan bahawa dengan sendirinya dalam berpengakap itu meliputi taat kepada Allah, taat kepada Raja, menolong orang lain dan bersedia sepanjang masa di mana semua itu membentuk seseorang sebagai individu yang boleh dijadikan sebagai landasan untuk bergerak, maju dan berdisiplin.

## PRAKTIKKAN ILMU BERPENGAKAP

Pengalaman yang diperolehinya disepanjang berpengakap nampaknya membuahkan hasil yang sangat ketara. Ini dapat dilihat ketika beliau diarturkan bertugas sebagai Pemangku Pegawai Daerah Temburong di mana Daerah Temburong telah dilanda banjir pada bulan Februari 2008. Beliau yang ketika itu kurang berpengalaman terutama dalam hal-hal bencana alam sedemikian telah mempraktikkan ilmu yang diperolehi dalam kehidupan berpengakap hingga berjaya mengurus dan mentadbir keadaan pada masa itu.

"Saya telah menggunakan kebijaksanaan dengan berpandukan kepada pengalaman berpengakap dalam mengurus hal-hal bencana sedemikian. Pembahagian tugas itu sebenarnya saya perolehi apabila mengikuti kegiatan-kegiatan berpengakap secara teori dan saya praktikkan semasa banjir melanda daerah Temburong. Ternyata ia berjaya," ujarnya. Beliau berasa bangga dan bersyukur kerana pengalaman yang diperolehi melalui kegiatan berpengakap selama itu nampaknya bermanfaat di mana pengalaman-pengalaman itu dapat diimplementasikan dan ternyata berhasil.

## MEMORI MANIS BERPENGAKAP

Selama bergiat aktif dalam

berpengakap, banyak kenangan manis yang terpahat dalam ingatan beliau dan yang paling menggamit memorinya ialah ketika diberikan penghormatan untuk menyertai persidangan pengakap Rantau Asia Pasifik di Jakarta pada tahun 1982 di mana ketika itu Negara Brunei Darussalam belum lagi mencapai kemerdekaan. Dikesempatan itulah beliau berpeluang bersemuka dengan Presiden Republik Indonesia, Presiden Soeharto dan bertemu Timbalan Presiden Adam Malik di mana kedua-dua pertemuan itu merupakan satu kenangan amat berharga buatnya. Di samping itu beliau juga pernah menyertai kegiatan-kegiatan di luar negara contohnya di Malaysia, Republik Singapura, di samping menyertai kegiatan-kegiatan yang menyeronokkan iaitu semasa jamboree, perkhemahan dan seumpamanya yang memberinya kesempatan untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin besar dari negara luar. Semua itu merupakan satu kenangan yang sangat baik dan menjadi dorongan kepada beliau bahawa dalam kehidupan berpengakap juga terdapatnya peluang untuk beliau bersama dengan masyarakat yang dirasakannya tidak mungkin ditemui.

Memandangkan banyak manfaat yang diperolehi dengan berpengakap, Skipper Awang Haji Matusin menyeru kepada para ibu bapa agar memilih kegiatan berpengakap kerana pengalaman beliau dalam berpengakap banyak mengajar ahli-ahlinya dan membentuk diri mereka sebagai masyarakat yang berdisiplin dan boleh membawa mereka pada kejayaan dan kecemerlangan.

"Pengakap banyak memberikan aturan-aturan, garispandu-garispandu yang tertentu sebagai panduan kitani untuk menuju ke arah kecemerlangan dalam kehidupan. Kegiatan berpengakap bukan hanya menerapkan aspek-aspek keduniaan malahan juga menerapkan aspek-aspek keakhiratan," jelasnya.



YANG Dipertua Persatuan Pengakap Daerah Temburong (PPDT) dan juga selaku Naib Yang Di-Pertua Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Skipper Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba.



KENANGAN manis ketika menyertai Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam ialah berpeluang untuk bersemuka dengan tokoh dunia, Presiden Republik Indonesia, Presiden Soeharto.

# DPMM FC teruskan jerayawara ke SMMH

Oleh : Aryentty Haji Ariffin  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**PENGURUS** Pasukan DPMM FC, Awang Muhammad Ali bin Haji Momin menyampaikan cenderahati berupa jersi DPMM FC kepada Pengetua Sekolah Menengah Muda Hashim (SMMH), Tutong, Dayang Hajah Rosmah binti Haji Kadir.

**TUTONG**, Rabu, 7 Mei. - Pasukan DPMM FC hari ini meneruskan jerayawara kali kedua bersama penuntut-penuntut di Sekolah Menengah Muda Hashim (SMMH) Tutong. Semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI, Pengurus Pasukan DPMM FC, Awang Muhammad Ali bin Haji Momin menjelaskan



**PASUKAN** Bolasepak DPMM FC mengabadikan gambar ramai setelah membuat lawatan ke SMMH, Tutong.

jerayawara ini diadakan bertujuan bagi memberi peluang kepada penuntut-penuntut sekolah tersebut dan peminat khususnya untuk bertemu Pasukan DPMM FC, di samping memberi perangsang kepada para penuntut yang ingin mengetahui perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh seorang pemain bola sepak.

Dalam kesempatan ini, para penuntut juga berpeluang mengajukan

soalan kepada pihak pengurusan, jurulatih dan juga pemain-pemain DPMM FC mengenai permainan dan bagaimana untuk mengatasi cabaran yang dihadapi di atas padang.

Di majlis itu, Pengurus Pasukan DPMM FC, Awang Muhammad Ali juga menyerahkan sebanyak 100 keping tiket kepada penuntut-penuntut sekolah berkenaan bagi menyaksikan perlawanan Pasukan DPMM FC dalam

Liga Singapura, Jumaat lepas, 9 Mei 2014, menentang Tanjong Pagar United FC.

Sementara itu Pengetua SMMH, Tutong, Dayang Hajah Rosmah binti Haji Kadir juga menerima cenderahati berupa jersi DPMM FC.

DPMM FC sebelum ini telah mengadakan jerayawara pertamanya ke Sekolah Sukan, Berakas dan akan dilartakan ke daerah lain kemudian.

## Pemenang Kejohanan Futsal Zon III Tutong terima hadiah

**TUTONG**, Khamis, 8 Mei. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Cawangan Daerah Tutong mengadakan Kejohanan Futsal Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Zon III Bagi Tahun 2014.



**KETUA** Unit Jasmani, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Pengiran Jusri bin Haji Hassim menyampaikan piala kepada johan Futsal Kategori 'B' Zon III Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Tahun 2014 yang disandang oleh Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong.

Kejohanan yang berlangsung di Gelanggang Futsal Perpindahan Bukit Beruang, Tutong di sini dikendalikan oleh Sekolah Menengah Sayyidina Othman (SMSO), selaku tuan rumah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada kejohanan petang tadi ialah Ketua Unit Jasmani, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Pengiran Jusri bin Pengiran Haji Hassim.

Sebelum kejohanan peringkat akhir dimulakan, tetamu kehormat terlebih dahulu diperkenalkan kepada para peserta kejohanan yang disertai oleh 11 buah sekolah menengah dan maktab Zon III.

Johan bagi Kategori 'B' telah diraih oleh pasukan dari Sekolah Menengah (SM) Muda Hashim, Tutong setelah berjaya mengalahkan pasukan dari SM Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dengan kiraan mata 2 - 0 diikuti tempat ketiga oleh pasukan dari SM Sayyidina Hassan setelah mengalahkan pasukan dari SMSO dengan kiraan mata 1 - 0. Sementara bagi Kategori 'C',

pasukan dari Ma'had Islam Brunei, Tutong muncul juara setelah berjaya menumpaskan pasukan dari Pusat Tingkatan Enam Sengkurong dengan kiraan mata 1 - 0, manakala SM Masin meraih tempat ketiga setelah menumpaskan SM Sayyidina Husain dengan kiraan mata 5 - 0.

Pemain terbaik bagi Kategori 'B' disandang oleh Md. Nur Asyraf bin Fahmi dari SM Muda Hashim, manakala pemain terbaik bagi Kategori 'C' disandang oleh pemain dari Ma'had Islam Brunei, Md. Nurhakimin Said bin Zharfan.

Penyampaian hadiah dan sijil penyertaan kepada para pemenang dan para peserta disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Kejohanan bertujuan untuk memberi galakan dan dorongan kepada atlet remaja di sekolah-sekolah dan maktab-maktab supaya bergiat aktif dalam kegiatan sukan serta melahirkan masyarakat yang sihat dan cergas dari segi fizikal dan mental,

selain sebagai sukat-sukat untuk menilai tahap kualiti dan pencapaian atlet remaja yang berpotensi untuk diberi bimbingan dan latihan secaraersistematik bagi membolehkan mereka mewakili negara.

Kejohanan ini dijalankan mengikut peraturan dan undang-undang permainan bola sepak iaitu undang-undang Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), undang-undang Persekutuan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam (NFABD) dan undang-undang Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Kejohanan dibukakan kepada pelajar-pelajar lelaki mengikut kategori kumpulan umur iaitu Kategori 'B' berumur 15 tahun ke bawah, manakala Kategori 'C' bagi pelajar yang berumur 16, 17 dan 18 tahun sahaja.

Kejohanan merupakan salah satu kegiatan projek tahunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum Cawangan Daerah Tutong.

Turut hadir dalam kejohanan tersebut ialah pengetua-pengetua sekolah yang terlibat.

## Pasukan Indera SC dahului carta Liga Super DST 2014

Berita dan Foto : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, 8 Mei. - Pasukan Indera SC kekal mendahului tangga teratas Liga Super DST 2014 selepas musim kejohanan memasuki pusingan kedua.

Dalam 10 kali bermain, pasukan Indera SC mengumpul 26 mata diikuti tempat kedua oleh pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan mengutip 19 mata dan pasukan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei mengutip 18 mata.

Dengan jurang mata yang terpisah pasukan Indera SC masih mempunyai peluang untuk berada di puncak liga bagi beberapa minggu ke hadapan namun kedudukan kedua dan ketiga masih saja akan silih bertukar ganti.

Namun masih belum bernasib baik bagi Pasukan Jerudong apabila masih lagi menempati di kedudukan yang terbawah liga sekalipun baru bermain sebanyak 8 kali dengan mengutip 4 mata tanpa mencatatkan sebarang kemenangan.

Pada perlawanan terakhirnya, pasukan bimbingan Haji Jaluddin tersebut tumpas kepada pasukan Jerudong FC dengan jaringan 4-3 walaupun mempunyai kesempatan untuk mendahului akibat kurangnya memanfaatkan kesempatan terlebih lagi mudah terikut rentak permainan lawan.

Pasukan Kilanas FC memperolehi jaringan menerusi Md. Nor Hidayatullah pada minit ke-11 dan 25, Abang Hariz minit ke-62 dan Wazien Osman minit ke-72, sementara pasukan Jerudong FC memperolehi golnya melalui Md. Asnawi Syazni pada minit ke-15 dan 45 dan Md. Bazli minit ke-43.

Pada perlawanan antara pasukan Najip FC dengan QAF FC berakhir seri 1-1 dan begitu juga keputusan antara pasukan MS ABDB dan Pasukan Wijaya berakhir tanpa sebarang jaringan.



**MD.FADHIULLAH** (jersi biru) ketika menghadang pemain pasukan Kilanas FC, Md. Azimin yang cuba menghampiri kawasan 'D' pasukannya.

## Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 di Republik Kesatuan Myanmar



**BERTAMBAH ERAT ...** Hubungan kerjasama antara para pemimpin ASEAN bertambah erat, apabila sekali lagi bertemu dalam Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24 di Ruby Hall, MICC di Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar. Gambar atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama para pemimpin negara-negara ASEAN dengan Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein (baju putih) mempengerusikan sidang kali ini.

## Berangkat meninggalkan Myanmar



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.**

**NAY PYI TAW, REPUBLIK KESATUAN MYANMAR,** Ahad, 11 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Republik Kesatuan Myanmar setelah menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-24.

Sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman, doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum berangkat menaiki

**Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor,  
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali  
dari Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar**

Pesawat Khas, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melalui kawalan kehormatan statik.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Nay Pyi Taw, Republik Kesatuan Myanmar bagi menyembahkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Menteri Sains dan Teknologi, Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Dr. Ko Ko Oo dan Duta

Besar Istimewa dan Mutlak Republik Kesatuan Myanmar ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Daw Yin Yin Myint serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Republik Kesatuan Myanmar.

Turut hadir di lapangan terbang ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir.

## ASEAN memperkasa kedayatahanan, kestabilan rantau

Dari muka 1

Perkara ini penting, bagi membolehkan penduduk rantau ini melakukan perjalanan dengan jaminan bahawa bantuan boleh diberikan terutamanya di negara-negara di mana mereka tidak mempunyai perwakilan dan juga akan lebih bermakna lagi kepada pengibaran bendera ASEAN, di samping bendera negara dalam misi-misi luar negara.

Baginda kemudian bertitah bahawa ASEAN juga telah berhadapan dengan keadaan geopolitik yang semakin kompleks, yang memerlukan penguatan yang lebih dari institusi dalaman, terutama sekali Sekretariat ASEAN.

Keupayaan Sekretariat ASEAN untuk mendukung kerja-kerja ASEAN adalah penting dan pemimpin-pemimpin ASEAN perlu memastikan Sekretariat ASEAN akan disediakan dengan sumber-sumber yang diperlukan.

Baginda juga berharap Kumpulan Bertindak Peringkat Tinggi akan memberikan saranan-saranan, dan seterusnya baginda ingin melihat tindakan kukuh akan diambil secepat mungkin.

Pada mengakhiri titah, baginda melahirkan keyakinan bahawa ASEAN akan mencapai banyak kemajuan di bawah pimpinan Presiden Republik Kesatuan Myanmar.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel (B) Dato Paduka Awang Haji Abdu'r Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir sejeurus sebelum meninggalkan Republik Kesatuan Myanmar.**



**'MENUJU KE HADAPAN DALAM PERPADUAN MASYARAKAT YANG AMAN DAN MAKMUR'**

دتریبیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.